# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 23 BILANGAN 28 | RABU 12HB. JULAI, 1978. | رابو 6 شعبان 1398 | PERCHUMA


# DAULAT TUANKU

## ALLAH LANJUTKAN USIA KEBAWAH D.Y.M.M.

### D.Y.M.M. MENYERU RAAYAT:

## PELIHARA KETENTERAMAN UTK. MEMBANGUN BRUNEI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan menyeru seluroh raayat Baginda supaya memelihara dan mempertahankan keselamatan dan ketenteraman negeri ini.

Baginda bertitah, dengan ada-nya keselamatan dan ketenteraman saja-lah, kita dengan izin Allah, akan dapat meneruskan usaha2 pada membangun dan membisaikan lagi negeri kita Brunei Darussalam ini.

Maka itu ada-lah tanggong-jawab kita semua untok memelihara dan mempertahankan suasana yang sa-demikian itu.

Baginda seterus-nya mengingatkan pegawai2 Kerajaan Baginda supaya sa-daya upaya menjalankan tugas2 dan tanggong-jawab mereka dengan jujor.

Baginda juga mengingatkan mereka supaya berusaha dengan sa-daya upaya yang boleh pada menjalankan tugas2 dan tanggong-jawab itu mengikut serta berpandukan ajaran dan dasar2 Ugama Islam dan sentiasa ingatkan Allah melalui ajaran2 dan petunjok2 Al-Kor'an.

Baginda menitahkan peringatan2 yang sa-demikian itu ketika bertitah di-Majlis Peraduan Membacha Kitab Suchi Al-Kor'an Perengkat Negeri, Bahagian Dewasa, yang berlangsong di-Padang Besar pada malam hari Rabu 5hb Julai yang lalu.

Baginda bertitah, bahawa thema peraduan yang berbunyi "sentiasa mengingati Allah dengan Al-Kor'an" itu ada-lah dengan tujuan supaya umat Islam mengambil faedah2 yang lebeh banyak dan berkesan daripada Kitab Suchi Al-Kor'an.

Titah Baginda, kita di-Brunei ingin menjadikan Islam dan ajaran2 Ugama Islam itu sa-bagai chara hidup yang lengkap.

"Ada-lah menjadi kewajipan kita untok sentiasa berusaha ka-arah itu dan jangan-lah kita lari daripada dasar yang telah di-tetapkan itu dalam apa jua langkah2 dan chara2 kita menyelesaikan masaalah2 hidup yang kita hadapi sa-hari2", titah Baginda.

Lihat muka 20

## Kemudahan2 sentiasa di-beri untok mempelajari Al-Kor'an

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Muhammad Bolkiah menegaskan bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah dan akan terus berusaha dalam memberikan segala kemudahan yang perlu untok mempelajari Al-Kor'an dan pengetahuan Ugama Islam.

"Hanya mereka yang lalai sahaja yang tidak akan mendapat menafaat dari kemudahan2 yang telah di-sediakan itu dan tiada siapa yang rugi melainkan mereka yang tidak mahu mengambil kesempatan demikian", tambah Yang Teramat Mulia.

Bersabda sa-jurus sabelum merasmikan Pertandingan Membacha Kitab Suchi Al-Kor'an Bahagian Dewasa Perengkat Negeri malam Selasa yang baru lalu, Yang Teramat Mulia Pengiran Perdana Wazir menyeru umat Islam di-negeri ini supaya mengambil peluang dan faedah2 yang di-timbulkan dari majlis2 sa-umpama pertandingan malam itu untok kita jadikan pegangan dan amalan sa-hari2 dalam menjadikan diri kita sa-bagai penganut Islam yang taat dan yang sentiasa mengingat Allah dengan petunjok Al-Kor'an.

"Ada-lah sangat mustahak kita orang2 Islam selalu membacha Al-Kor'an dan berusaha dengan sunggoh2 untok mengetahui erti-nya supaya dengan itu kita dapat berpandu dengan-nya sa-bagai atoran2 dan undang2 hidup yang wajib di-ikuti oleh mana2 orang yang mengakui diri-nya Islam", sabda Yang Teramat Mulia itu menegaskan.

Terdahulu dari itu Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana

Lihat muka 20



Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

## Persiapan2 bagi menyambut Puja Usia D.Y.M.M. telah di-susun

BANDAR SERI BEGAWAN. — Segala persiapan bagi menyambut Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah yang ke-32 tahun telah pun di-ator.

Hari Keputeraan Baginda yang jatoh pada hari Sabtu 15hb Julai akan di-mulakan dengan satu upachara perbarisan di-Padang Besar di-sini.

Perbarisan yang akan bermula kira2 jam 7.45 pagi itu akan di-sertai oleh Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, Pasokan Kesepuloh Princess Mary's Own Gurkha Rifles dan Pasokan Pulis Diraja Brunei. Pasokan Panji2 Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Panji2 Askar Melayu Diraja Brunei dan Panji2 Pasokan Pulis Diraja Brunei dan 10 buah pasokan dari pertubohan2 awam juga akan menyertai perbarisan yang akan di-perentah oleh YDM Pehin Datu Pekerma Bijaya Major Hussin bin Haji Sulaiman.

Sa-telah selesai Upachara Perbarisan itu akan di-ikuti pula dengan Istiadat Mengadap dan Mengorniakan Bintang2 dan Pingat2 Kebesaran yang akan berlangsong di-Lapau.

Istiadat di-Lapau itu akan bermula pada jam 9.30 pagi di-mana uchapan sembah keshukoran juga akan di-sembahkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, sa-bagai wakil raayat dan Kerajaan; Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei; YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir sa-bagai wakil Wazir2, Cheteria2, Kerabat2 Diraja dan Pehin2 Manteri termasok Manteri2 Pendalaman.

Sa-bagai merayakan Hari Keputeraan Baginda Yang Dipertuan itu beberapa achara sambutan telah pun di-susun. Di-Daerah Brunei dan Muara achara perayaan telah di-mulakan sejak 7hb Mei yang lalu dengan perlawanan chator dan akan berakhir pada 1hb Ogos.

Antara achara yang menarek di-adakan pada tahun ini ia-lah perarakan tanglong dan kereta serta basikal berhias yang akan di-adakan pada hari Ahad 16hb Julai. Satu achara yang lebeh menarek ia-itu kemunchak dari achara sambutan pada tahun ini ia-lah Perlumbaan Kereta Brunei Grand Prix yang akan di-adakan pada 15hb dan 16hb Julai di-Lapanganterbang Lama Berakas.

Lihat muka 20

Pelita Brunei
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

12HB JULAI, 1978

## KEKALKAN KESELAMATAN DAN KETENTERAMAN

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan bertitah antara lain: "Beta ingin menasehatkan kapada semua raayat dan pendudok negeri ini bahawasa-nya keselamatan dan ketenteraman negeri ini ada-lah menjadi tanggong-jawab kita semua untok memelihara dan mempertahankan-nya. Kerana dengan ada-nya keselamatan dan ketenteraman saja-lah maka kita dengan izin Allah akan dapat meneruskan usaha2 pada membangun dan membisaikan lagi negeri kita Brunei Darussalam yang terchinta ini."

Baginda bertitah demikian di-majlis Pertandingan Membacha Al-Kor'an Bahagian Dewasa Peringkat Negeri 1978, di-Padang Besar, Bandar Seri Begawan, pada minggu yang baru lalu. Dan ini pula bukan-lah merupakan titah julong2 kali bagi Baginda menasehatkan kapada raayat dan pendudok di-negeri ini supaya memelihara keselamatan dan ketenteraman — malahan di-mana2 saja majlis atau upachara2 rasmi, Baginda selalu menitik-beratkan masaalah keselamatan dan ketenteraman itu.

Keselamatan dan ketenteraman, ada-lah sabagai suatu hadiah atau kornia yang patut di-junjong serta di-pertahankan oleh seluroh raayat dan pendudok di-negeri yang bertuah ini, dan raayat serta pendudok hendak-lah bersatu padu, berdiri tegoh di-belakang Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada mempertahankan, memelihara dan mengekalkan keselamatan serta ketenteraman yang telah ujud di-negeri kita sekarang ini.

Jangan-lah kita membiarkan anasir2 yang tidak bertanggong-jawab atau anasir2 yang tidak di-ingini memechah-belahkan perpaduan serta melemahkan semangat kita untok berbakti kapada Raja, Bangsa dan Negara. Sebalek-nya, raayat dan pendudok hendak-lah memperkokohkan barisan dan persafahaman dengan menyokong dan bekerjasama dengan Kerajaan di-bawah pimpinan yang bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam titah nasehat Baginda supaya raayat dan pendudok di-negeri ini sama2 bertanggong-jawab pada memelihara keselamatan dan ketenteraman — patut-lah titah Baginda itu di-buatkan sa-bagai azimat buat salama2-nya di-samping menjauhkan diri daripada gejala2 yang boleh merosakkan perpaduan dan persafahaman. Kerana apabila perpaduan dan persafahaman kita hanchor maka tentu-lah dengan mudah-nya anasir2 yang tidak di-ingini itu akan mengambil kesempatan dari keadaan2 tersebut, dan barang sudah tentu ia-nya akan mengendalakan pembangunan dan pembisaian negeri kita. Barang di-jauhi Allah, jangan-lah perkara2 yang tidak di-ingini itu akan menimpa kita dan negara kita yang terchinta ini! Sebab itu-lah titah keselamatan dan ketenteraman itu kita sama2 mempertanggong-jawabkan serta menjunjong-nya sa-bagai suatu azimat yang maha penting dari segala2-nya.

# Kita boleh menjadi peniaga yang berjaya asalkan . . .



Y.B. Awang Abdul Latif.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Berhormat Awang Abdul Latif bin Awang Abdul Hamid ketika merasmikan penubohan Gabongan Peniaga2 Melayu di-Dewan Peringatan Churchill pada hari Ahad lepas, menyatakan amat tertarek hati melihat keazaman tenaga2 muda kita Melayu di-negeri ini menyedari hakikat lapangan perniagaan itu tidak hanya di-monopoli oleh bangsa lain malah bangsa kita juga dapat menjadi sa-orang peniaga yang baik asalkan ada kemahuan, gigih dan mampu mengendalikan kerumitan2 yang di-hadapi oleh sa-tiap peniaga itu.

Kata-nya, telahan2 dan perchakapan2 orang yang mengatakan orang Melayu itu tidak boleh dan tidak pandai berniaga itu, ada-lah satu hal yang telah lapok serta senghaja di-ada2kan untok mengelirukan kita — tetapi jangan kita berkechil hati, gunakan-lah ia-nya sa-bagai chabaran.

Yang penting, tambah Yang Berhormat lagi, keperchayaan yang lapok itu jangan di-biarkan berterus2an, jika kita terhenti, sampai bila2 pun bangsa kita akan tertinggal jauh dalam bidang perniagaan ini.

"Kalau dari sekarang kita tidak bergerak dan aktib dalam bidang perniagaan dan perusahaan ini, siapa lagi yang akan kita harapkan," tegas beliau.

Beliau mengharapkan supaya dengan tertuboh-nya Gabongan Peniaga2 Melayu itu akan sentiasa berhubong rapat dengan Dewan Perniagaan Melayu demi mengujudkan satu persafahaman yang harmoni di-antara gabongan ini dengan Dewan Perniagaan Melayu yang padu dan berpengalaman itu, dan dengan ini juga akan mengelakkan persaingan dan pertentangan sesama sendiri.

"Saya sukachita juga memberikan perhatian kapada Awang2 supaya sentiasa menegohkan ta'at setia kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei sa-bagaimana yang di-lakukan oleh datok-nenek moyang kita zaman berzaman dan mudah2an juga dengan berkat daulat, awang2 sentiasa akan berjaya di-dalam lapangan ini dengan mendapat keredhaan Allah Subhanahu Wa-ta'ala", jelas Yang Berhormat itu lagi.

## Peranan G.P.M.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Penubohan Gabongan Peniaga2 Melayu ini di-samping memberikan perkhidmatan kebajikan dan kesejahteraan kapada ahli2-nya ia-nya juga akan dapat memyumbangkan derma bakti serta dapat memainkan peranan besar dalam memberikan kerjasama-nya kapada mana2 pehak terutama kapada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, umpama-nya soal2 pengawalan harga, pengangkutan, kekurangan dalam bidang2 perkilangan, pertanian, perikanan dan lain2 lagi.

Demikian telah di-tegaskan oleh Pengerusi Gabongan Peniaga2 Melayu, Pengiran Omar bin Pengiran Metassan, ketika menyampaikan uchapan-nya di-majlis perasmian gabongan tersebut.

Soal2 seumpama itu, tambah-nya, bukan saja melibatkan Kerajaan dan juga raayat serta pendudok di-negeri ini, malahan ia-nya juga melibatkan kaum peniaga bumiputera khas-nya. Pengalaman2 penubohan gabongan ini dan ahli2-nya samada yang manis atau pun yang pahit akan dapat dan sesuai di-jadikan sumber pengkajian dalam usaha membisaikan lagi kedudokan perekonomian kaum bumiputera, khusus-nya dan Negeri Brunei, am-nya.

Sudah menjadi perkara biasa di-perchayai bahawa sa-bilangan peniaga2 Melayu menghadapi serba-serbi masaalah. Masaalah mereka itu lebeh daripada apa yang di-alami oleh peniaga2 bukan Melayu — masaalah tersebut termasok-lah permodalan, menchari tempat perniagaan yang 'ideal' dan 'Confidence' di-samping mengharapkan ia-nya akan dapat di-usahakan serta di-isikan dengan perlaksanaan yang sejajar atau 'Due implementation', jelas beliau.

"Di-sini saya juga ingin menekankan terutama-nya kapada peniaga2 bukan Melayu bahawa walau pun gabongan ini hanya terhad kapada peniaga2 Melayu sahaja, ini bukan-lah bermakna gabongan ini akan mengamalkan perkauman bangsa — malahan saya juga menyedari yang dunia perniagaan tidak mengenal batas perkauman bangsa. Sebab ahli gabongan ini terhad kapada peniaga2 Melayu, hanya-lah kerana sa-mata2 saperti yang di-maksudkan oleh pepatah, 'Menjaga tepi kain sendiri'", jelas beliau.

Turut memberikan cheramah dalam majlis perasmian itu ialah dua orang pegawai dari Jabatan Kemajuan Kerjasama dan Lembaga Kemajuan Ekonomi. Lebeh 60 orang peniaga2 Melayu yang sedang berkechempong dalam bidang perniagaan dan perusahaan telah hadhir dalam perjumpaan tersebut.



Sa-bahagian daripada yang hadhir di-majlis tersebut.

## Perayaan sambutan Keputeraan D.Y.M.M.

SUNGAI LIANG. — Beberapa achara menarek akan di-adakan di-sepanjang lima hari pada akhir dan awal Julai dan Ogos depan oleh pendudok2 Mukim Sungai Liang sempena menyambut Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia kali yang ke-32 tahun ini.

Perayaan itu akan di-mulakan pada hari Sabtu, 29hb Julai dengan upachara pembukaan rasmi oleh Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, Pegawai Daerah Belait bertempat di-padang Sekolah Melayu di-sini mulai jam 2.00 petang.

Pada hari berikut-nya pula dari sebelah pagi hingga petang pendudok2 berkenaan akan mengadakan achara sokan ria di-mana perlawanan tarek kalat akan merupakan achara kemunchak. Manakala sebelah malam persembahan pentas yang di-sulami dengan berbagai2 peraduan akan di-langsongkan dan akan di-teruskan sa-hingga hari Rabu 2hb Ogos di-mana achara berchorak ugama akan di-sembahkan.

Sementara itu dalam mashuarat yang telah di-adakan pada akhir Jun lepas pendudok di-sini telah meranchang pembenaan bangunan tambahan berdekatan dengan bangunan SM. Sungai Liang bagi menampong penempatan murid2 belajar kelas ugama.

Pembenaan sekolah ugama itu di-jangka akan di-mulakan selewat2-nya akhir tahun ini dengan sa-bahagian besar perbelanjaan-nya akan di-tanggong oleh pendudok kampong serta derma dari orang ramai.

## Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebeh rendah di-kedai Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria; Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah ini bermula pada 6hb Julai, 1978.

**BANDAR SERI BEGAWAN:**

1. ASAM GELUGOR — $3.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Sharikat Haji Abdul Rahman,
   No. 9, Jalan Chevalier.
2. SAYOR KINCHAM — $2.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut: —
   Chop Aik Thye,
   No. 25, Jalan Sultan.
3. SAGO HALUS — 50 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Tan Eng Huat,
   No. 111, Bangunan Guru2 Melayu.
   b) Chop Chin Seng,
   No. 107, Jalan Chevalier.

**KUALA BELAIT**

1. ASAM GELUGOR — $4.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) S. S. Sa'adiah,
   No. 92, Bangunan Hotel Sentosa,
   b) Ng Ming Hong,
   No. E Bangunan Dewan Perdagangan China.
2. SAYOR KINCHAM — $2.60 sa-kati di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Yick Yuen,
   No. 3, Jalan Pretty.
3. SAGO HALUS — 60 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   a) Soon Seng & Co.,
   No. 32, Jalan Pretty.
   b) Eng Soon Seng,
   No. 58, Jalan Pretty.
   c) Kok Kee,
   No. 60, Jalan Pretty.
   d) Ng Ming Hong,
   No. E Bangunan Dewan Perdagangan China.

**SERIA:**

1. ASAM GELUGOR — $3.80 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Chop Giap Hin,
   No. 49, Jalan Bunga Kuning.
   b) A. Muhammed,
   No. 66, Jalan Bunga Kenanga.
2. SAYOR KINCHAM — $2.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut: —
   Chop Kun Mee,
   No. 6, Jalan Sultan Omar Ali.
3. SAGO HALUS — 60 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut: —
   a) Chop Kun Mee,
   No. 6, Jalan Sultan Omar Ali.
   b) Foo Hap Shing,
   No. 20, Jalan Sultan Omar Ali.
   c) Hudson Company,
   No. 31, Jalan Sultan Omar Ali.
   d) Soon Kheng,
   No. 50-B, Jalan Bunga Kuning.
   e) Haji C. A. Mohammed,
   No. 51, Jalan Bunga Kuning.
   f) Chop Kim Huat,
   No. 53, Jalan Bunga Kuning.

# SEKITAR PERTANDINGAN MEMBACHA AL-KOR'AN PERENGKAT NEGERI



Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei ketika melafadzkan titah sa-jurus sa-belum Baginda menganugerahkan hadiah2 kapada peserta2 pertandingan.



Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah bersabda dan seterus-nya merasmikan pertandingan pada malam Selasa yang lalu (gambar atas). Gambar kanan kelihatan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, YB Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain bin Haji Serudin menyampaikan uchapan alu2an di-majlis pada malam itu.

Johan Qari, Awang Mohd Yusof dan Johan Qariah, Dyg. Hajjah Siti Ara masing2 dengan piala kejohanan mereka.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah berangkat berchemarduli ka-Majlis Pertandingan Membacha Al-Kor'an Bahagian Dewasa Perengkat Negeri pada malam Rabu yang lalu dan berkenan bagi menganugerahkan hadiah2 dan sijil2 kenang2an kapada pemenang2 dan para peserta pertandingan.

Pertandingan sa-lama dua malam berturut2 itu telah di-adakan di-Padang Besar Bandar Seri Begawan dan di-rasmikan oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah.

Peserta2 dari Daerah Brunei/Muara telah berjaya menjadi johan dalam kedua2 bahagian. Awang Mohd Yusof bin Abu Bakar telah munchol sa-bagai johan qari sementara Dayang Hajjah Siti Ara binte Haji Idris munchol sa-bagai johan qariah. Awang Mohd Yusof mendapat 90.5 peratus sementara Dayang Hajjah Siti Ara mendapat 89.75 peratus.

Naib-johan dalam bahagian lelaki jatoh kapada Awang Haji Damit bin Haji Kawang, peserta dari Daerah Brunei/Muara dengan markah-nya 88.5 peratus dan tempat ketiga di-menangi oleh Awang Abu Bakar bin Haji Paun, peserta dari Daerah Belait dengan markah-nya 80.5 peratus.

Dayang Hajjah Damit binte Mohd Yusof, peserta dari Daerah Brunei/Muara telah munchol sa-bagai naib-johan dengan markah-nya 83.75 peratus dan pemenang ketiga ia-lah Dayang Taibah binte Kudi, peserta dari Daerah Belait dengan markah-nya 75.5 peratus.

Daerah Brunei/Muara telah munchol sekali lagi sa-bagai Daerah terbaik. Pada tahun lalu, Daerah Brunei/Muara juga telah menjadi daerah terbaik dalam pertandingan tersebut.

Pertandingan di-kedua2 malam itu telah di-serikan dengan persembahan2 nashid oleh Kumpolan Nashid Sekolah Menengah Arab Pengiran Anak Damit, Kumpolan Nashid Jabatan Bomba dan Kumpolan Nashid Jabatan Kerja Raya Bandar Seri Begawan.



D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin juga berangkat ka-majlis pada malam itu.





Johan Qari, Awang Mohd Yusof (atas) dan Johan Qariah, Dayang Hajjah Siti Ara (bawah) memperdengarkan bachaan mereka masing2.





Kumpolan Nashid Jabatan Bomba Brunei, yang telah menjadi johan dalam pertandingan Nashid Sa-Negeri baru2 ini, mempersembahkan sa-buah nashid di-majlis tersebut.



His Highness the Sultan presenting Haji Awang Damit his prizes.

# H.H. The Sultan presents prizes

BANDAR SERI BEGAWAN. — His Highness the Sultan Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah last Wednesday night presented prizes to the winners of this year's Koran reading championships for men and women held at the padang here.

Awang Mohammad Yusof bin Abu Bakar and Dayang Hajjah Siti Ara binte Idris, both from Brunei Muara District, emerged champions in their respective sections.

Second in the men's section was Awang Haji Damit bin Haji Kawang from the Brunei Muara District and third was Haji Abu Bakar bin Haji Mohammad Paun from the Belait District.

In the women's section, Hajjah Dayang Damit binte Mohammad Yusof from the Brunei Muara District and Dayang Taibah binte Kudi from the Belait District won the second and third prizes respectively.

A total of ten Koran readers representing the four districts took part in the championships which were held for two nights.

The championships were declared open by Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal Waqar Muda Mohammad Bolkiah.

The presentation of prizes was preceeded by several items including a procession made up of the participants and nashid teams led by the band of the Royal Brunei Malay Regiment, nashid by members of the State Fire Brigade, the winners of this year's State Nashid Competition, the students of the Hassanal Bolkiah/Raja Isteri Anak Damit Secondary School and the students of the PWD religious classes, and Koran reading presentation by the champions Awang Mohammad Yusof and Dayang Hajjah Siti Ara.

Among those who attended the presentation ceremony were Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal Waqar Pengiran Muda Mohammed Bolkiah and other members of the Royal Family, the Yang Teramat Berhormat General Adviser, Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa, the Menteri Besar Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Pemancha, the honourable State Secretary Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Yang Amat Mulia Pengiran Cheterias, and senior government officials.



The State Secretary (left) presenting Dato Marsal the Medal of Merit and certificate.

# Outstanding services rewarded

GADONG. — The State Secretary Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz last Friday presented medals, badges and certificates to the officials, scouters and scouts in the State for their outstanding services at a ceremony held at the State Scout Headquarters here.

Before making the presentation, the State Secretary inspected a guard-of-honour by the scouts.

The President of the Brunei State Scout Association, Dato Paduka Awang Haji Ali Khan bin Abdul Khan and the founder of the scout movement in Brunei, the former Mentri Besar Dato Seri Paduka Awang Marsal bin Maun, were among the recepients.

Dato Haji Ali Khan received the Silver Acorn while Dato Marsal was awarded the Medal of Merit along with eight other officers.

Fifteen Long Service medals were also awarded to officers of the movement while several scouts received certificates.

# Soldiers endure 75-mile walk

BERAKAS. — Twelve members of the second platoon of the First Battalion, Royal Brunei Malay Regiment last week completed their seventy-mile endurance walk from Kuala Belait to their Camp here in nineteen hours.

The group led by Second Lieutenant Aisa bin Subohi, left the Kuala Belait Recreation Club padang on Tuesday at 4.30 in the afternoon and arrived at Berakas Camp the following day at 11.30 in the morning.

They were greeted on arrival by the Commanding Officer of the First Battalion, Pehin Orang Kaya Seri Dewa Lieutenant Colonel Dato Seri Pahlawan Mohammad bin Haji Daud.

On the same Tuesday, two other platoons of the company started two separate exercises for three days in the Temburong District.

One was carrying out a canoeing exercise from Ulu Manchang to Bangar and the other a survival exercise.

# Orientation course for teacher trainees

GADONG.—One hundred and forty-three young men and women this month begin a three-year teacher training course at the Sultan Hassanal Bolkiah Teachers College here.

The new students are currently attending a three-week orientation course at the college.

The course was opened by the Deputy Principal of the College, Awang Abdul Ghani bin Ibrahim at a ceremony held at the college auditorium on July 1.

During the course the students will, among other things, play indoor as well as outdoor games, clean the graveyards at Kampong Sengkurong and Kampong Salambigar and take part in the lantern procession which is to be held this month in the capital as part of the programme to celebrate His Highness the Sultan's thirty-second birthday.

# ASP Rahim completes FBI session

BANDAR SERI BEGAWAN. — A senior officer of the Royal Brunei Police Force has returned home after attending a three-month course at the Federal Bureau of Investigation, FBI, National Academy at Quantico, Virginia, in the United States.

Assistant Superintendent, Abdul Rahim bin Haji Mohammad Jaafar, successfully completed the 113th Session of the FBI National Academy on June 16.

ASP Abdul Rahim was also granted 16 semesters hours at the University of Virginia which is affiliated to the FBI National Academy.

Topics studied during the twelve-week training session included Behavioral Science, Criminal Law, Forensic Science, Education-Communication, and Management Science.

Law Enforcement Arts courses included firearms training, physical training, and special electives.

ASP Abdul Rahim is the third Brunei police officer to have completed similar training session at the FBI National Academy.



The Livestock Husbandary Officer, Mr. J. G. Woodford (extreme right) briefing a group of livestock extension officers from the Belait District during their familiarisation tour of the Luahan Agricultural Station last week.

They also visited the nearby Jerudong Animal Breeding Farm where they were shown around and briefed by the Manager, Awang Abdul Aziz bin Sahat.

Earlier two groups of livestock extension officers from the Brunei Muara and Tutong districts made similar visits to the station and farm.

# Five off to Japan for training

BANDAR SERI BEGAWAN. — Five engineering staff from the Telecommunications Department left for Japan on Sunday for a six-month course on electronic telephone exchanges.

The course will be held at one of the factories of Nippon Electric Company who are supplying 25,000 lines of electronic equipment to meet the demand for telephones in the State and an electronic International Exchange to provide International Subscriber Dialling in the second half of 1979.

The students will be trained on the installation and maintenance of both types of exchange.



ASP Abdul Rahim discussing the working of a revolver with an instructor.




# BERPEGANG TEGOH DENGAN UGAMA ALLAH

DALAM perkara beriman itu, ada iman yang kuat dan ada pula iman yang lemah. Di-dalam sa-buah hadith Rasulullah s.a.w. daripada Abu Hurairah yang di-keluarkan oleh Muslim, ada menyebut tentang orang mukmin yang kuat. Hadith itu bermaksud kira2 "Rasulullah s.a.w. telah bersabda: *"Orang mukmin yang kuat ada-lah lebeh baik dan lebeh di-kasehi oleh Allah daripada orang mukmin yang lemah. Tamak-lah engkau kapada perkara yang memberi faedah diri engkau, dan minta-lah pertolongan kapada Allah dan jangan menjadi lemah tak berdaya. Jika sesuatu benchana menimpa engkau, jangan-lah engkau berkata "Kalau aku buat begini tentu-lah jadi begini, tetapi hendak-lah engkau katakan bahawa semua itu telah ditakdirkan Allah. Sesunggoh-nya perkataan "kalau" itu membuka pintu perbuatan shaitan".*

Hadith ini menerangkan, bahawa orang mukmin yang di-katakan kuat itu ia-lah yang sanggup melakukan amal2 saleh, yang sentiasa tamak untok membuat kerja2 kebajikan, yang meliputi jihad menyeru kapada amar ma'ruf dan menchegah munkar. Tegas-nya orang mukmin yang kuat dan gigih itu ia-lah yang kuat dan gagah dalam semua aspek rohani dan juga jasmani, saperti sabar, rajin dan chekal, tegoh pendirian keugamaan serta mendalam chintanya kapada Allah. Orang2 yang demikian ini-lah yang sangat di-kasehi oleh Allah, dan di-sini-lah sabenar-nya harga iman itu bagi sa-seorang, ia belum chukop sa-takat mengaku perchaya sahaja, melainkan hendak-lah di-turuti pula dengan amal yang saleh.

Orang2 mukmin di-suroh berpegang tegoh dengan ugama Allah, menyerahkan diri dan berlindong hanya kapada-Nya jua. Jauhkan angan2 kosong dan kata2 yang tidak berfaedah, kerana kata2 yang tidak berfaedah itu ada-lah pintu masok shaitan untok menyesatkan manusia.

Demikian-lah wahai kaum muslimin! suatu panduan yang di-bentangkan oleh Rasulullah melalui hadith di-atas, mudah2an kita dapat beringat dan mengamalkan-nya.

## Bingkisan minggu ini

# KUATKAN IMAN UNTOK MENGHALANG KEKECHEWAAN

DI-AKHIR2 ini banyak doktor2 penyakit jiwa, ahli2 saikoloji dan sosioloji chuba mengkaji dan menchari jalan bagaimana-kah chara-nya untok membasmi dan mengatasi penyakit frastrasi manusia yang merupakan wabak derita dan kekechewaan yang menganchan ketenangan jiwa dan menghalang kemajuan pembangunan negara.

Tetapi akhir-nya mereka bertemu pada satu kesimpulan, ia-itu ubat yang paling mujarab untok mengubati-nya dan perisai yang paling kokoh untok menahan diri dari serangan penyakit tersebut ia-lah keperchayaan kapada yang Maha Esa yang tersimpul dalam ertikata 'iman'. Sebagaimana pendapat saorang ahli ilmu jiwa Barat "Orang2 yang benar2 yakin berpegang kapada ugama, tidak akan kena penyakit urat saraf".

Professor Williams dari Harbert University mengakui "Keperchayaan kapada Tuhan ada-lah satu tenaga yang menghidupkan manusia dan mengengkari-nya bererti kehanchoran". Mahatma Ghandi pun pernah berkata "Kalau tidak kerana keperchayaan, sudah lama saya hanchor".

Keperchayaan di-dalam Islam bererti keimanan. Dengan keimanan manusia dapat memechahkan persoalan2 yang sulit dan menunjokkan jalan keluar dari situasi yang mencheng-kam. Tegas-nya iman itu dapat membentok jiwa dan watak manusia menjadi positif. Manakala sikap jiwa yang positif itu pula akan sentiasa dapat melihat chahaya walaupun dalam gelap gelita.

Sa-seorang yang beriman akan sentiasa perchaya kapada kekuasaan Allah. Iman juga ada-lah sa-bagai asas semangat manusia supaya berani menghadapi maut. Takut kapada maut menyebabkan manusia menjadi pengechut. Banyak pahlawan2 di-zaman Rasulullah s.a.w. yang terlepas dari maut meskipun mereka sedang berada ditengah2 hujan tumbak, lembing dan pedang yang bergemerinching, kerana mereka perchaya dan berpegang kapada firman Tuhan dalam surah An-Nisa ayat 78 yang bermaksud *"Di-mana saja kamu berada, neschaya maut akan mendapatkan kamu, walaupun kamu berada ditengah benting yang kuat".*

Banyak orang yang hilang pendirian kerana kepentingan hidup-nya. Kadang2 sanggup menjual maruah dan kehormatan nya. Yang lebeh dahshat lagi sanggup menjadi munafik, sa-mata2 demi kepentingan diri sendiri. Begitu mudah idealisma dapat di-kalahkan oleh kepentingan material atau pengaroh kebendaan.

Kerapkali manusia hidup di-dunia ini di-landa kerunsingan dan dukalara. Risau mengenangkan peristewa yang lampau, bimbang menghadapi masa yang akan datang. Soal yang kechil dan remeh akan segera menjadikannya sogol dan berdukalara, resah gelisah dan gundah gelana.

Tetapi orang yang beriman mempunyai keseimbangan fikiran. Menghadapi segala2-nya itu dengan tenang, tenteram dan menganggapkan semua itu sabagai renchah2 kehidupan. Orang2 yang demikian benar2 telah memahami firman Allah ayat 28 dalam surah Ar-Ra'd *"Orang2 yang beriman, hati mereka menjadi tenteram kerana selalu mengingati Allah. Ketahui-lah bahawa dengan ingat kapada Tuhan itu, hati menjadi tenteram".*

Pendek kata keimanan itu membentok budi pekerti yang murni dan mengajar manusia bersifat rendah hati yang membawa kapada terbena-nya satu keperibadian yang tegoh, sabar dan tabah, dengan memandang masa depan yang optimis.

Sa-bagai kesimpulan kita, tidak ada kalimat frastrasi dan putus asa didalam kamus hidup orang2 yang beriman. Dia sentiasa berani menghadapi kebenaran dan memechahkan segala persoalan hidup dengan bijaksana. Hidup-nya sentiasa tenteram dan damai, kerana ia sentiasa ta'at dan patoh kapada perintah Ilahi.

# KESEDARAN BERUGAMA

SAMBONGAN petikan uchapan YB. Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Awg Haji Abdul Hamid, Kadhi Besar Brunei di-upachara pembukaan rasmi masjid baru dan majlis makan tahun Kampong Jerudong.

APABILA kita melihat ka-dalam masharakat Islam kita di-Brunei ini pada umom-nya kita sudah nampak berbagai tanda yang menggalakan yang menunjokan semakin ramai orang2 yang mempunyai kesedaran terhadap ugama-nya, di-antara-nya para jemaah sembahyang Jumaat di-masjid2 dan surau2 semakin bertambah, kelas2 ugama dan Kor'an semakin ranchak di-ikuti, begitu juga kelas2 belajar zikir semakin berkembang, kursus menyempurnakan jenazah terus meningkat, orang2 yang naik haji tetap ramai sa-tiap tahun, para peserta perarakan2 Maulud Nabi Muhammad s.a.w. semakin ramai di-semua sambutan dan lain2, pendek-nya perkembangan2 ini ada-lah segi2 yang amat menggembirakan.

Tetapi hal2 itu ada-lah dipandang dari segi keselurohan. Dalam pada itu jika kita halusi pandangan kita kapada yang lebeh jauh lagi, maseh terdapat sa-tengah2 orang kita yang maseh lalai terhadap ugama-nya, di-antara-nya kita boleh dapati ada sa-tengahnya belum mahu belajar hukum2 ugama, hatta mengenai masaalah2 fardhu 'ain; saperti sembahyang, masaalah2 akhlak yang di-kehendaki sa-chara Islam, masaalah2 taufik menjadi taras iman sa-seorang dan masaalah2 chara2 pergaulan hidup di-dalam masharakat berdasarkan dasar2 yang di-atorkan oleh ugama Islam.

Sedangkan belajar perkara2 fardhu 'ain itu ada-lah wajib bagi sa-tiap orang Islam, baik lelaki mahupun perempuan. Puncha kelemahan iman dan amal sa-seorang itu banyak bergantong pada kelemahan ilmu pengetahuan-nya terhadap ugama. Kejahilan itu ada-lah merupakan kegelapan dan ilmu itu ada-lah merupakan chahaya yang terang.

Sa-orang yang berjalan dalam patang bachulik — inda ada chahaya bulan atau lampung atau suloh yang menerangi, tentu susah hendak menuju kapada satu2 tujuan. Tetapi kalau ada chahaya yang terang saperti chahaya bulan atau lampu atau suloh mudah dia berjalan menuju tempat yang di-tuju. Begitu juga hati sanubari manusia, kalau hati sanubari itu tidak di-simbah dengan chahaya ilmu pengetahuan bagaimana-kah hendak mengerjakan sa-suatu, sedang sa-suatu itu tidak di-ketahui.

Jadi jahil itu ada-lah penyakit yang mesti di-ubati. Ubat-nya ia-lah menuntut ataupun belajar, kalau tidak mahu menuntut bererti kita suka berpenyakit jahil, bila jahil, hidup di-dunia susah — lebeh2 lagi di-akhirat akan lebeh susah lagi, sebab, Nabi Muhammad s.a.w. pernah bersabda yang kira2 bermaksud:

*"Barang siapa yang berkehendakkan kesenangan dunia mesti-lah berilmu dan kalau berkehendakkan kesenangan di-akhirat mesti-lah berilmu dan kalau berkehendakkan kesenangan dunia dan akhirat kedua2-nya pun mesti-lah berilmu".*

Memang benar, sedang kehendak beroleh padi pun mithal-nya mesti tahu chara berpadi, ia-itu ilmu berpadi nama-nya. Hendak mendapatkan ikan di-laut mesti ada ilmu chara2 menangkap ikan, mesti tahu chara membuat gaman atau perahu, mesti tahu membuat dan menggunakan pukat, mesti tahu keadaan chuacha dan lain2 baru senang menangkap dan mendapatkan ikan.

(BERSAMBONG)



KELIHATAN para jemputan khas yang hadhir di-upachara pembukaan rasmi masjid dan majlis makan tahun Kampong Jerudong pada hari Ahad 25hb Jun yang baru lalu.

## Waktu² sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari, terbit bagi Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabtu 12hb Julai, 1978 hingga ka-hari Selasa 18hb Julai, 1978 ada-lah saperti di-bawah ini: —

| Hari Bulan | Dzuhor | Asar | Magrib | Isha | Imsak | Suboh | Matahari Terbit |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 12hb Julai | 12.31 | 3.51 | 6.42 | 7.53 | 4.40 | 4.55 | 6.13 |
| 13hb Julai | 12.31 | 3.51 | 6.42 | 7.53 | 4.40 | 4.55 | 6.13 |
| 14hb Julai | 12.31 | 3.51 | 6.42 | 7.53 | 4.40 | 4.55 | 6.13 |
| 15hb Julai | 12.31 | 3.51 | 6.42 | 7.53 | 4.40 | 4.55 | 6.13 |
| 16hb Julai | 12.31 | 3.51 | 6.42 | 7.53 | 4.41 | 4.56 | 6.14 |
| 17hb Julai | 12.31 | 3.51 | 6.42 | 7.53 | 4.41 | 4.56 | 6.14 |
| 18hb Julai | 12.31 | 3.51 | 6.42 | 7.53 | 4.41 | 4.56 | 6.14 |

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

## Dasar2 Surohanjaya Pelajaran:

# MEMPERSEIMBANGKAN STATUS KEMUDAHAN MEREKA YANG JAGOH PEPEREKSAAN, BERMORAL DAN BERAKHLAK

SAMBONGAN petikan uchapan Pengarah Pelajaran, Awang Ahmad bin Haji Jumat di-Upachara Perasmian Penubohan Pasokan Kadet Pulis bagi Daerah Belait pada 15hb Jun lalu.

TELAH di-dapati di-Sekolah2 kita umom-nya oleh kerana terlalu mementingkan pengajaran Ilmu pengetahuan berdasarkan sukatan pelajaran dan buku teks, sudah mengkesampingkan, malah hampir tidak memperdulikan aspek pendidekan.

Kalau dulu, perguruan merupakan jenis pekerjaan yang istemewa dan guru2 ada-lah orang2 yang mulia, di-segani dan di-hormati kerana mereka mendidek anak2 menjadi manusia yang mulia, maka sekarang sikap dan penghargaan saperti itu sudah hampir luput.

Ini ada-lah kerana yang penting bagi kita hanya-lah hasil pepereksaan dan didekan formal yang di-dapat di-bilek2 darjah.

Guru dan sekolah tidak lagi di-hubongkan dengan pendidekan tetapi dengan hasil pepereksaan. Sa-tiap tahun apabila keputusan pepereksaan di-umomkan, gambar dan nama anak2 yang mendapat kelulusan baik, yang lima, enam, tujoh atau lapan A, terpampang di-muka depan akhbar2.



Mereka di-sanjung dan di-puji kerana kelulusan yang tinggi. Dan sa-sudah itu (memang-lah wajar) mereka mendapat biasiswa untok melanjutkan pelajaran dan kemudian-nya akan menjadi pegawai bergaji tinggi. Tetapi amat jarang sekali kita menyaksikan gambar dan nama anak2 yang moral dan tingkah laku-nya terpuji dan berdisiplin.

Sa-tiap tahun, pada Hari Ibubapa, sekolah2 menyampaikan hadiah pada murid2 yang maju dalam pelajaran, yang terpuji dalam ujian dan sokan; tetapi tidak ada (sepanjang pengetahuan saya) hadiah atau penghargaan untok murid2 yang berbudi tinggi dan yang mengamalkan ajaran sivik.

Saya sekali2 tidak menyangkal keburokan tujuan ini, pameran2 ini, tetapi apa yang hendak saya katakan ada-lah tempat dan status untok anak2 yang tinggi akhlak, belia yang bersifat Hang Tuah tidak di-ketengahkan. Dasar2 Surohanjaya Pelajaran yang kita jalankan bertujuan supaya jagoh pepereksaan dan jagoh bermoral; berakhlak akan di-perseimbangkan status dan kemudahan mereka dalam masharakat.

Moral, akhlak; bersivik dan bertanggongjawab dalam masharakat berhubong rapat dengan sistem nilai (value) perseorangan dan lebeh lagi masharakat. Langkah telah dan akan di-buat diwaktu Hari Pelajar disekolah supaya penuntut2 berakhlak dan bermoral di-beri penilaian ekonomi saperti hadiah itu dan ini.

Di-peringkat negeri pun boleh di-buat supaya chontoh berakhlak, bermoral di-ketengahkan. Nyata pada kita di-Singapura, Pesurohjaya Pulis Singapura baru2 ini memberi penghargaan kapada orang ramai yang betul bertanggongjawab kapada masharakat. Kita mahu masharakat membantu pehak Kerajaan.

Melalui majlis ini, sukachita juga saya menarek perhatian kapada penuntut2 bahawa di-samping kamu giat dengan aktibiti2 luar, maka kamu jangan pula leka dengan-nya sa-hingga meninggalkan pelajaran2 di-sekolah. Penumpuan pelajaran kamu mesti-lah di-titek beratkan dengan sa-chara positif — dengan tidak bertolak ansor.



GAMBAR kiri Dato Paduka Seri Laila Jasa C. T. Miller, Timbalan Pesurohjaya Pulis Diraja Brunei ketika menyampaikan papan lenchana Kadet Pulis kapada salah sa-orang Pegawai Kadet Pulis, manakala gambar atas sa-bahagian dari anggota Kadet Pulis di-upachara penubohan dan lafadz ikrar bagi Daerah Belait.

Sekarang Kerajaan Duli Yang Maha Mulia telah membukakan peluang dengan sa-luas2-nya bagi kamu untok melanjutkan pelajaran sa-hingga ka-perengkat tinggi asalkan kemampuan dan kelulusan kamu melayakkan-nya.

Oleh yang demikian, saya harap kapada semua penuntut2 supaya akan dapat melengkapkan diri masing2 dengan ilmu pengetahuan bagi merebut peluang2 yang di-berikan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei di-samping menjadikan diri kamu sa-bagai warganegara yang berguna kapada bangsa dan tanah ayer.

Masa depan negara dalam bidang pembangunan ekonomi dan sosial ada-lah memerlukan tenaga dan tanggong-jawab dari belia2 yang berpelajaran tinggi, mempunyai kesanggupan dan berdedikasi dalam menjalankan tugas2 negara. Ini ada-lah suatu harapan, dan harapan ini hendak-lah kamu penohi demi mengekalkan keharmonian dan keamanan negeri Brunei yang bersesuaian dengan nama Brunei Darussalam.

Akhir-nya buat penutup uchapan saya ini, sekali lagi saya berharap mudah2an penubohan Pasokan Kadet Pulis ini akan beroleh kejayaan yang tidak berputus2 dari ka-masa ka-semasa.






BARISAN anggota Kadet Pulis begitu segak berjalan lalu di-upachara hari itu.

## Persembahan Pancharagam

BANDAR SERI BEGAWAN.—Satu persembahan pancharagam bagi sekolah2 menengah dan maktab2 sa-Negeri Brunei kali pertama akan di-adakan pada hari Khamis 20hb Julai ini mulai jam 2.30 petang.

Persembahan tersebut yang di-adakan sempena menyambut hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan bagi kali yang ke-32 tahun akan di-langsongkan di-Padang Besar di-sini.

Sa-banyak tujoh buah sekolah dan maktab yang mempunyai pasokan pancharagam akan mengambil bahagian dalam persembahan itu dengan membawakan lebeh 30 buah lagu.

Ia-nya ada-lah di-anjorkan oleh Bahagian Latehan Kesenian, Jabatan Pelajaran Brunei.

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

**Pehak Radio Talivshen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.**

## RABU — 12HB. JULAI,

**PETANG**

- **5.45** PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
- **5.48** KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- **6.00** RENGKASAN BERITA
- 6.02 STAR TREK — "Who No Man Has Gone Before"
- 6.42 AZAN MAGHRIB
- 6.46 STAR TREK — sambongan

**MALAM**

- **7.00** BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 RICH MAN POOR MAN — Episode One (Pt. One)
- 7.53 AZAN ISHA
- 7.57 RICH MAN POOR MAN — sambongan
- **8.15** WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- **8.30** MAJLIS PERBINCHANGAN
- 9.00 BEWITCHED "Double Trouble" Untok menjauhkan Darrin, Endorra menggunakan sakti-nya membuat sa-orang lagi yang menyerupai Samantha.
- **9.30** CELEBRITY CONCERT — "Engelbert Humperdinck"
- **10.20** PERLAWANAN GUSTI
- **11.20** SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 13HB. JULAI,

**PETANG**

- **5.45** PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
- **5.48** KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- **6.00** RENGKASAN BERITA
- **6.02** HOT WHEELS
- **6.30** THE SECRET OF ISIS
- 6.42 AZAN MAGHRIB
- 6.46 THE SECRET OF ISIS — sambongan

**MALAM**

- **7.00** BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 HOW THE WEST WAS WON — "The Macahans" Bahagian Kedua
- 7.53 AZAN ISHA
- 7.57 HOW THE WEST WAS WON — sambongan
- **8.15** WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- **8.30** HIDAYAT
- 9.00 DOKUMENTARI MELAYU
- 9.30 TAYANGAN FILEM MELAYU
- 11.30 SIARAN TAMAT.

## JUMAAT — 14HB. JULAI,

**PETANG**

- **5.15** PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
- 5.17 CHOMAT DAN CHOMEL
- 5.30 HERE COMES MUMFIE
- **5.48** KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- **6.00** RENGKASAN BERITA
- **6.02** SAYANG ADEK-KU SAYANG
- 6.30 THE MUPPETS
- 6.42 AZAN MAGHRIB
- 6.46 THE MUPPETS — sambongan

**MALAM**

- **7.00** BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 THE BRADY BUNCH HOUR
- 6.42 AZAN MAGHRIB
- 7.57 THE BRADY BUNCH HOUR
- **8.15** WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- **8.30** SEKITAR TANAH AYER
- 9.00 PERSEMBAHAN KHAS RANCHANGAN PANCHARAGAM PULIS DIRAJA
- 9.30 THE WATER MARGIN — Episode kedua belas Kao Chiu sedang memikirkan tentang Lin Chung dan kumpolan2-nya dari Liang Shan Po. Dia memerentahkan satu penyiasatan besar untok mengetahui siapa-kah ahli2 yang lain itu.
- 10.20 MYSTERY MOVIE: Quincy "Who's Who in Neverland"
- 11.50 SIARAN TAMAT.

## SABTU — 15HB. JULAI,

PEMANCHARAN SA-BELAH PAGI

- 7.45 Upachara Perbarisan bagi menyambut Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan (siaran terus menerus).
- 9.10 PUSPARAMA
- 10.00 BISTARI
- 10.40 THE MAGIC MAN
- 11.50 SIARAN TAMAT.

PEMANCHARAN SA-BELAH PETANG DAN MALAM

- 3.45 PEMBUKAAN/SUSUNAN RANCHANGAN
- 3.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 5.57 RENGKASAN RANCHANGAN
- **6.00** RENGKASAN BERITA
- **6.02** CHILDREN'S FEATURE — "Junket"
- 6.42 AZAN MAGHRIB
- 6.46 CHILDREN'S FEATURE — sambongan

**MALAM**

- **7.00** BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- **7.15** STARSKY AND HUTCH — "Murder on Stage"
- 7.53 AZAN ISHA
- 7.57 STARSKY AND HUTCH — sambongan
- **8.15** WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.30 ACHARA2 KEMUNCHAK PERBARISAN BAGI MENYAMBUT HARI KEPUTERAAN DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DIPERTUAN.
- 9.45 PUSPARAGAM
- 10.30 WORLD CUP HIGHLIGHTS — Ranchangan yang istimewa di-mana para penunton akan dapat menyaksikan sekali lagi permainan bola sepak bagi merebut Piala Dunia.
- 11.25 TAYANGAN MALAM SABTU: "Run A Crooked Mile".
- 1.15 SIARAN TAMAT.

## AHAD — 16HB. JULAI,

**PETANG**

- **5.15** PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
- **5.17** CHOMAT DAN CHOMEL —
- **5.30** THE MAGIC BALL —
- **5.48** KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- **6.00** RENGKASAN BERITA
- 6.02 ATOM ANT
- 6.28 THE PARTRIDGE FAMILY — "Home is Where the Heart Is"
- 6.42 AZAN MAGHRIB
- 6.46 THE PARTRIDGE FAMILY — sambongan

**MALAM**

- **7.00** BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 BIONIC WOMAN — "Long Live the King"
- 7.53 AZAN ISHA
- 7.57 BIONIC WOMAN — sambongan
- **8.15** WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.30 MARI GEMBIRA
- 9.05 THE DAY AFTER TOMORROW
- 9.55 HELEN REDDY SPECIAL
- 10.55 THAT'S HOLLYWOOD
- 11.25 SIARAN TAMAT.

## ISNIN — 17HB. JULAI,

**PETANG**

- **5.45** PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
- **5.48** KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- **6.00** RENGKASAN BERITA
- **6.02** THE LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE — "My Ellen"
- 6.42 AZAN MAGHRIB
- 6.46 LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE — sambongan

**MALAM**

- **7.00** BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 CHARLIE'S ANGELS — "Set, Match, Death"
- 7.53 AZAN ISHA
- 7.57 CHARLIE'S ANGELS — sambongan
- **8.15** WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- **8.30** SERIKANDI
- 9.00 ARENA SOKAN — Grand Prix
- 9.45 HAWAII FIVE O
- 10.35 THE FEATHER AND FATHER — GANG — "The Apology"
- 11.25 SIARAN TAMAT.

## SELASA — 18HB. JULAI,

**PETANG**

- **5.45** PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
- **5.48** KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- **6.00** RENGKASAN BERITA
- **6.02** SESAME STREET
- 6.42 AZAN MAGHRIB
- 6.46 SESAME STREET — sambongan

**MALAM**

- **7.00** BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- **7.15** MAN FROM ATLANTIS — "Shoot out at Land's End"
- 7.53 AZAN ISHA
- 7.57 MAN FROM ATLANTIS — sambongan
- **8.15** WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- **8.30** SEKITAR TANAH AYER
- 9.00 ENTERTAINERS ON TOURS: Albert Hammond — USA
- 9.30 BARETTA — "The Blood Bond"
- **10.20** DOKUMENTARI MELAYU: National Geographic
- **11.10** SIARAN TAMAT.



Louis Jourdan yang membintangi Tayang Malam Sabtu minggu ini, yang bertajok "RUN A CROOKED MILE" mengesahkan sa-orang guru Ilmu Hisab muda di-salah sa-buah sekolah private di-London telah menjadi mangsa pertubohan rahsia yang meranchang untok menjatohkan kewangan Eropah.

## Rich Man Poor Man

PADA minggu ini, hari Rabu jam 7.15 malam, RTB akan mempersembahkan siri terbaru RICH MAN POOR MAN. Dalam bahagian terakhir siri yang lalu adek Rudy, Tom, telah meninggal dunia dan siri kali ini bermula dari perengkat ini. Rudy Jordache ada-lah pelakun utama-nya — ia merupakan sa-orang yang penting dalam penghidupan kedua orang anak lelaki-nya — Wesley Jordache, anak Tom, dan Billy Abbot, anak isteri-nya. Wesley dan Billy ada-lah dua orang anak muda yang sedang memanjat ka-usia dewasa yang mana mereka menghadapi peperangan perasaan yang sukar di-mengerti mereka.



PETER Strauss berlakun sa-bagai Rudy Jordache dan Susan Blakely pula sa-bagai isteri-nya.

## Naruli manusia —

## Bahagian pertama "melihat"

PADA hari Khamis ini RTB akan memulakan sa-buah siri ranchangan dokumentari yang rengkas bertajok 'NARULI MANUSIA'. Kita seringkali menghadapi berbagai maaluman dari dunia di-sekitar kita ini — maaluman2 dalam bentok kesan2 naruli manusia.

Kita melihat dan mendengar, merasa, menghidu dan merasai sa-suatu. Kita berbuat begitu dengan menggunakan organ2 naruli kita. Siri ini menerangkan apa-kah yang sebenar-nya perbuatan melihat dan mendengar atau merasa dan segala apa yang berlaku di-dalam tuboh kita, dan bila kita memproses kesan2 yang di-terima dari luar. Satu2-nya perkara yang menarek dalam siri ini ia-lah tipu-daya2 yang di-permainkan oleh naruli kita terhadap diri kita ini.

Ranchangan yang di-saring ka-dalam bahasa Melayu ini akan dapat Awda ikuti pada hari Khamis esok jam 9.00 malam.

# RTB MERAYAKAN PUJA USIA D.Y.M.M.

## RANCHANGAN2 KHAS PADA HARI JUMAAT 14HB JULAI

**8.30 malam.** SEKITAR TANAH AYER. Dengan satu tinjauan achara perlumbaan kereta Brunei Grand Prix, salah satu achara terbesar yang di-susun untok merayakan Puja Usia Duli Yang Maha Mulia pada penghujong minggu.

**9.00 malam.** PERSEMBAHAN PANCHARAGAM PULIS DIRAJA BRUNEI — Radio dan Talivishen Brunei, dengan kerjasama pasokan Pancharagam Pulis Diraja Brunei, akan menyiarkan satu hiboran khas, sempena sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei. Dalam ranchangan ini, Pasokan Pancharagam Pulis Diraja Brunei dengan Juruachara-nya Inspektor Dayang Aminah Haji Mohd. Yassin, mempersembahkan beberapa buah lagu yang berchorak instrumental, di-antara lagu2-nya ia-lah rangkaian Irama Enjit2 Semut, Bunga Tanjong, Joget Kaki Lima dan Irama Mandarin serta Hindustan.



Pancharagam Pulis Diraja Brunei.



Brunei Grand Prix.



Upachara Perbarisan Hari Keputeraan Kebawah D.Y.M.M.

## RANCHANGAN2 KHAS PADA HARI SABTU 15HB JULAI

### RANCHANGAN SEBELAH PAGI

**7.45 pagi.** Upachara Perbarisan Sambutan Puja Usia Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan di-pancharkan terus-menerus dari Padang Besar Bandar Seri Begawan.

**9.10 pagi.** Pusparama. Sa-buah ranchangan dari Singapura dengan artis2 Melayu yang di-perkenalkan oleh bintang filem dan penyanyi yang di-sukai ramai, Sharifah Aini.

**10.00 pagi.** Bistari. Ini-lah peluang untok menyaksikan peserta2 menghadapi soalan2 pengetahuan 'am.

**10.40 pagi.** The Magic Man. Saksikan-lah dunia ilmu sihir bersama2 Bill Bixby dengan berbagai pertunjokan sihir-nya saperti sa-orang wanita yang di-gergaji dua, pemakan api, chara2 membebaskan diri dan lain2.

### RANCHANGAN2 SEBELAH PETANG

**4.00 petang.** Super Stunt-Men. Bagaimana membuat tumbokan. Bagaimana membuat tumbokan tanpa mendapat kechederaan. Bagaimana membuat perlanggaran2 kereta sa-chara palsu. Ranchangan istimewa sa-lama dua jam ini membawa para penunton ka-dunia Hollywood Stuntmen, hero2 yang tidak di-kenali dalam perniagaan tayangan gambar. Ranchangan ini juga menunjokkan bagaimana mereka meranchang tipudaya2 mengelakkan kematian dan menghadapi risiko untok mengambil tempat pelakun2 saperti Six Million Dollar Man Lee Majors, Robert Wagner, James Garner, Lee Marvin dan yang lain2. Kemunchak ranchangan ini ia-lah chubaan pertama menerjun dari sayap sa-buah kapal-terbang ka-arah sayap sa-buah kapal-terbang yang lain yang terbang satu batu ka-bawah. Dapatkan pelakun itu melakukan-nya dengan selamat?

## INTIS

### RANCHANGAN2 SE

**8.30 malam.** Achara K
Puja Usia Duli Yang Mah
changan ini mengandongi
dan juga petekan2 rengka

**9.45 malam.** PUSPARA
lah tunjok-chara membuat
bolehan Awda dalam luk
saksikan-lah waktu siaran-
undang penyanyi tempata
Moi untok mendendangka
Hussin Haji Tuah penyan

**10.30 malam.** WORLD
Piala Dunia. Memperlih
yang kalah — dalam Perl
Pengiran Idris yang telah
mula-nya, akan memberik
pertandingan tahun ini da
peluang yang terakhir de
itu.

### RANCHA HARI

**8.30 malam.** Mari Gem
sama2 kumpolan penari
bin Pg. Haji Damit, S. R



Salah

## Siri Mukkaddam

Ada-lah sa-buah ranchangan baru Bahagian Melayu Radio Brunei yang di-siarkan pada tiap2 hari KHAMIS jam 5.45 petang dan siaran ulangan-nya pada tiap hari Jumaat jam 7.45 pagi, bermula pada minggu yang lalu.

Gambar bawah menunjokkan pemimpin ruangan tersebut Ustaz Haji Zainal bin Kahar bersama murid2-nya semasa rakaman ranchangan tersebut di-adakan.



## Ranchangan SE

ANTARA ranchangan2 menarek dalam ranchangan Serikandi minggu ini ia-lah:—

(1) Petekan Penggambaran Suasana Peraduan Serikandi Di-Dewan Bandaran baru2 ini.

(2) Masakan: Roti paun goreng oleh Dayang Masni bin Awang Besar.

(3) Pengumoman keputusan mengenai apa pendapat puan.

Bagi kaum ibu yang ingin menchuba masakan Roti Paun Goreng itu, di-bawah ini ia-lah bahan2 dan chara2 memasakan-nya.

### ROTI PAUN GORENG

**Bahan2-nya : —**

1 kati tepong.
1 sudu yeast.
½ gelas ayer suam kuku.
Sedikit gula.
1 sudu teh garam.
1 sudu makan gula.
1 tahil margrine.

Bi
1
M

**Bahan2**

1
½

**Perator**

1.
2.
3.
4.
5.

# Dergahayu Kebawah D.Y.M.M.

# RENGKASAN RIWAYAT HIDUP BAGINDA YANG DIPERTUAN



Istiadat bersejarah — Kebawah Duli Yang Maha Mulia sedang di-mahkotakan oleh Ayahanda Baginda, D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan di-Istiadat Berpuspa yang berlangsong di-Lapau.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah di-puterakan pada 15hb Julai, 1946 di-Istana Darussalam, terletak di-Kampong Sumbiling, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Baginda mendapat pendidekan awal di-Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam Bandar Seri Begawan, Brunei dalam tahun 1955. Kira2 3 — 4 bulan sa-lepas itu, Baginda berhenti dan belajar sa-chara 'Private Tuition' di-Surau Istana Darul-Hana. Sa-lepas belajar kira2 4 tahun di-Surau Istana, Baginda melanjutkan pelajaran ka-Kuala Lumpur. Mula2 baginda memasoki Sekolah Jalan Gurney, dan kemudian memasoki Victoria Institution dari bulan Januari, 1961 hingga Disember, 1963. Baginda pulang ka-Brunei dan menuntut di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan, Brunei dalam tahun 1964.

Baginda telah di-tabalkan menjadi Duli Pengiran Muda Mahkota pada 14hb Ogos, 1961 dan telah di-anugerahkan Bintang D.K. Kelas Pertama.

Pada 29hb Julai, 1965 Baginda telah melangsongkan perkahwinan dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Saleha (sekarang Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri D.K., P.H.B.S.). Baginda telah di-anugerahkan sa-orang putera dan tiga orang puteri. Putera Baginda bernama Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, manakala puteri Baginda masing2 bernama Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah, dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Majeedah Nuurul Bolkiah.

Di-antara 4hb Januari, 1966 hingga awal bulan Oktober, 1967 Baginda telah menjalani latehan ketenteraan di-Akademi Tentera Diraja Sandhurst, United Kingdom. Baginda menjadi sa-orang Pegawai Kadet dan kemudian di-tauliahkan Kapten dalam pasokan Coldstream Guard oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen.

Baginda di-istiharkan menjadi Sultan Brunei yang ke-29 pada 5hb Oktober, 1967 jam 3.00 petang menggantikan Paduka Ayahanda Baginda Sir Muda Omar Ali Saifuddin yang telah mengambil tindakan turun takhta Kerajaan pada malam 4hb Oktober, 1967 — malam yang bersejarah dan menggemparkan seluroh ra'ayat. Malam tersebut di-kenali sa-bagai "Peristiwa 4hb Oktober".

Teks lengkap pengistiharan Paduka Ayahanda turun takhta ada-lah saperti berikut: —

*"Warkatul Iklas Watahfatulejnas, yang terbit daripada Laila hati, hening lagi jerneh yang tidak menaroh shak dan waham daripada beta Sir Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei mema'alomkan kapada seluroh ra'ayat dan pendudok Negeri Brunei, bahawasa-nya beta dengan sukachita mengatakan dari Laila hasrat hati beta pada mengistiharkan kapada Kerajaan dan seluroh ra'ayat ini, dan pendudok Negeri Brunei, bahawa dengan kesukaan beta sendiri turun dari takhta Singgahsana Kerajaan pada hari Rabu, 1hb Rajab, 1387, 4hb Oktober, 1967 ada-lah tetap dan muktamad, sa-kali2 tidak boleh di-tarek balek".*

Pada hari Khamis 1hb Februari, 1968, Istiadat Menaikkan bendera kuning di-Bukit Panggal telah di-rasmikan oleh Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Ahmad, manakala bendera merah telah dengan rasmi-nya di-naikkan di-Bukit Sungai Kebun oleh Yang Dimuliakan Pehin Seri Wangsa Haji Muhammad. Istiadat Menarek bendera tersebut ada-lah di-hasratkan sa-bagai pengistiharan kapada ra'ayat bahawa

Lihat muka 10

# Zaman Pemerentahan Baginda "Zaman kejayaan Brunei"

PADA 23hb Nobember, 1971 jam 3.00 petang ada-lah merupakan detik bersejarah bagi Brunei iaitu dengan berlangsong-nya Istiadat Menandatangani Pindaan Kapada Perjanjian Tahun 1959. Istiadat tersebut di-langsongkan di-Lapau di-antara Baginda dengan Yang Amat Berhormat Tuan Anthony Royle, M.P., Setiausaha Rendah Parlimen, Pejabat Luar dan Commonwealth.

Pindaan tersebut akan mewujudkan beberapa perubahan dalam chorak kehidupan di-negeri ini, penambahan tanggong-jawab Baginda kapada negeri dan ra'ayat serta pendudok-nya.

Berdasarkan kapada Pindaan Perjanjian 1959, Kerajaan Baginda akan bertanggong-jawab sa-penoh-nya mengenai hal ehwal dalam negeri sementara Kerajaan Baginda Queen akan bertanggong jawab mengenai hal ehwal luar negeri Brunei.

Pada 29hb Februari, 1972 sa-chara kebetulan tarikh tersebut ada-lah tahun lompat, Kerajaan Baginda telah mendapat suatu penghormatan dengan berlangsong-nya keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II ka-Brunei. Ini dapat membuktikan betapa kukoh-nya persahabatan Kerajaan Baginda dengan Kerajaan Baginda Queen sa-bagaimana yang di-bayangkan dalam titah Baginda di-Lapau pada 29hb Februari, 1972 jam 11.50 pagi.



Upachara menanda-tangani Pindaan kapada Perjanjian tahun 1959 yang berlangsong di-Lapau pada 23hb Nobember, 1971. Kebawah D.Y.M.M. menanda-tangani bagi Kerajaan Baginda sementara Kerajaan British di-wakili oleh Y.A.B. Tuan Anthony Royle.

*"Keberangkatan Paduka Kakanda serta Yang Teramat Mulia Paduka Kakanda Prince Philip, Duke of Edinburgh dan Paduka Anakanda Princess Anne ada-lah merupakan suatu tanda penghormatan yang amat tinggi nilai-nya kapada negeri Paduka Adinda dan kapada ra'ayat serta pendudok-nya. Keberangkatan Paduka Kakanda ada-lah merupakan satu lagi tanda bokti kekukohan persahabatan yang mesra lagi mendalam di-antara kedua2 negara kita, yang mana kemesraan persahabatan di-antara negara dan ra'ayat Paduka Kakanda telah terchatet dalam sejarah, tertasdek pada ha-*

Lihat muka 12

# ANTARA SEKITAR KEGIA

## Baginda di-puspakan dengan penoh adat istiadat

Dari muka 9

perpuspaan Baginda akan di-langsongkan dalam masa enam bulan lagi.

Satu Istiadat Membuka Gendang Jaga2 telah di-langsongkan di-Istana Darul-Hana pada hari Khamis 27hb Jun, 1968 untok membolehkan perayaan perpuspaan Baginda di-mulakan.

Pada 25hb Julai, 1968 jam 7.30 malam Istiadat Pembukaan Rasmi Perayaan2 dan Persembahan Sambutan Perpuspaan Baginda telah di-lakukan oleh Pemangku Menteri Besar Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara, Pengiran Haji Md. Yusof, D.K., S.P.M.B., D.S.N.B., P.O.A.S, P.J.K.

Kemunchak perayaan tersebut ia-lah pada 1hb Ogos, 1968. Pada tarikh tersebut Baginda telah di-puspakan dengan penoh adat istiadat kebesaran Diraja bertempat di-Lapau, Bandar Seri Begawan jam 10.00 pagi. Istiadat berpuspa, merupakan warithan turun-temurun dalam sejarah kesultanan Brunei. Bagi ra'ayat Baginda terutama golongan belia, tarikh 1hb Ogos, 1968 akan bertambah besar erti-nya kerana pada sa'at itu-lah mereka akan berpeluang menyaksikan unsor2 adat istiadat lama di-satukan dalam satu upachara negara dengan penyesuaian unsor2 zaman sains dan teknoloji moden. Meski pun adat perpuspaan itu telah mengalami beberapa perubahan daripada sa-orang Sultan ka-seorang Sultan yang lain, namun perubahan2 itu tidak-lah merobah chiri2 asas adat perpuspaan itu. Ini dapat di-bandingkan sa-jajar dengan istiadat perpuspaan Paduka Ayahanda Baginda Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin pada tahun 1951 dan Sultan Hassan pada kurun ke-17.

Beberapa hari sa-belum perpuspaan Baginda, tetamu kehormat dari luar negeri sampai ka-Brunei. Di-antara-nya termasok-lah Yang Amat Berhormat Tuan George Thomas, Setiausaha bagi Hal Ehwal Commonwealth sa-bagai wakil Kerajaan Baginda Queen, Perdana Menteri Singapura, Tuan Lee Kuan Yew, Perdana Menteri Malaysia, YTM Tengku Abdul Rahman Putra bersama2 dengan Puan Sharifah Radziah, Bekas Pesurohjaya Tinggi British Sir Dennis White, Raja Muda Selangor Tengku Idris Shah, Tengku Mahkota Johor, Tengku Mahkota Pahang, Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tengku Seri Utama Raja (wakil Sultan Kelantan), Duta Itali di-Singapura Signor D. Pollici, Duta Denmark di-Malaysia Tuan Yang Terutama K. Willumsen, Konsol Jepun di-Kota Kinabalu, Mr. Mashimoto, Haji Sulaiman Pai dari Taiwan, Ketua Menteri Sarawak, Penghulu Tawi Sli dan Speaker Dewan Negeri Sabah, YB Dato Haji Mohd. Kassim dan para duta dari Pakistan, Jerman, Kanada, Belgium dan Peranchis.

Pada hari Khamis 6hb Jamadil-Awal, 1398 bersamaan 1hb Ogos, 1968 jam 8.30 pagi, Istiadat Bersiram bagi Baginda telah di-langsongkan di-Istana Darul-Hana dengan di-iringi tembakan meriam sa-banyak 21 das. Baginda berangkat ka-Lapau pada jam 10.00 pagi dengan di-iringi oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan dan YTM Seri Paduka Wazir2 untok menjalani Istiadat Berpuspa yang di-langsongkan penoh adat istiadat tradisional tetapi di-sesuaikan dan di-beri nafas baru mengikut rentak pergolakan zaman masa lampau dengan masakini.

Selesai istiadat di-Lapau, Baginda berangkat menaiki usongan dengan di-iringi oleh pembesar2 negara termasok pembesar2 negara dari luar negeri dan di-arak mengelilingi bandar untok memberi peluang kapada ra'ayat menonton dan melafadzkan ikrar ta'at setia serta uchapan "Daulat Tuanku" kapada Baginda.

Sa-lain daripada upachara2 perayaan sa-panjang perpuspaan Baginda, 1hb Ogos, 1968 hingga 3hb Ogos, 1968 ada-lah hari kelepasan awam. Perayaan yang telah di-mulakan lebeh awal ia-itu pada 25hb Julai, 1968 telah berakhir pada 9hb. Ogos, 1968 di-mana Istiadat Menutop Gendang Jaga2 telah di-langsongkan di-Istana Darul-Hana.

Sempena Hari Perpuspaan Baginda, Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen Elizabeth telah mengorniakan Bintang Kebesaran C.M.G. yang di-sampaikan oleh Yang Amat Berhormat Tuan George Thomas sa-bagai wakil Baginda Queen.



LAWATAN D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II dalam tahun 1972 ada-lah suatu penghormatan kapada Brunei dan memboktikan betapa kukoh-nya persahabatan Kerajaan Baginda Yang Dipertuan dengan Kerajaan Baginda Queen. Gambar atas kelihatan Kebawah DYMM ketika mengalu2kan lawatan yang bersejarah itu.

Perkembangan2 sekitar pendalaman ada-lah mendapat perhatian utama bagi Baginda terutama soal2 kehidupan raayat Baginda di-kampong2 pendalaman itu. Untok tujuan ini Baginda tidak kendor2-nya berchemarduli untok menyaksikan sendiri samada hajat Baginda untok memperbaiki kehidupan raayat di-laksanakan dengan baik-nya. Empat keping gambar di halaman ini menunjokkan beberapa siri lawatan Baginda ka-kampong2 pendalaman.

Gambar kanan menunjokkan Baginda memereksa barisan anggota Pulis Diraja Brunei sa-jurus sa-belum Baginda menganugerahkan Panji2 Diraja kapada pasokan itu.



# AN KEBAWAH D.Y.M.M.

DULI Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan ada-lah sa-orang raja yang mempunyai beberapa kegemaran dan sifat2 berhidup dalam suasana rukun dan damai. Untok ini, Baginda banyak melaksanakan kegiatan2 merapatkan diri Baginda dengan alam keliling bukan hanya sa-takat dengan kalangan2 yang di-katakan sa-darjat dengan Baginda, tetapi juga Baginda amat mengutamakan dalam merapatkan hubongan Baginda dengan raayat jelata tanpa mengira siapa dan keturunan mana, tetapi "raayat" yang selalu Baginda tekankan dalam titah2 Baginda sa-bagai "raayat beta yang di-kasehi".

Dalam memperaktikkan ungkapan kata "raayat beta yang di-kasehi" itu ada-lah menunjokkan yang Baginda itu tidak ingin merenggangkan rasa kaseh Baginda itu terhadap raayat Baginda. Ini juga membuktikan bahawa Baginda itu ada-lah pendukong kuat terhadap dasar2 Islam yang menggalakkan hubongan berbaik2 antara sa-sama Islam, dan juga yang bukan Islam asalkan ia-nya tidak menjejaskan kepentingan2 kesuchian Islam itu. Ketokohan Baginda sa-bagai kepala negara ada-lah tidak di-ragukan, bukan saja yang sedia ada pada Baginda, kerana sifat2 kepemimpinan tetapi juga amat jelas bahawa Baginda, bak kata pepatah Brunei "macham di-tuang di-salin" saperti Paduka Ayahanda Baginda juga dalam menerajukan negara.

Pada mementingkan kemajuan dan perkembangan pesat negara bagi menentukan supaya raayat Baginda hidup bahagia, perjuangan Baginda berjalan terus ka-arah itu melalui satu stratiji perjuangan yang tersusun rapi yang menyebabkan pehak2 yang berkaitan menyegani sikap Baginda itu.

Perlembagaan 1959 yang di-asaskan oleh ayahanda Baginda itu, mengalami pindaan penting di-bawah pimpinan Baginda dalam tahun 1971 yang mendarjatkan Brunei berkuasa penoh di-dalam negeri. Perubahan ini ada-lah asas penting untok kechemerlangan masa depan Brunei.

Keupayaan pada memikul dan menjamin terus-menerus mutu kechemerlangan itu, banyak sudut yang harus di-perkukohkan saperti kemantapan ekonomi dan sosial serta kawalan keselamatan. Ka-arah ini, kita dapat menyaksikan yang Kerajaan Baginda telah melaksanakan tuntutan2 saperti itu dan Baginda sendiri kerap kali menitahkan supaya raayat Baginda terus-menerus berusaha ka-arah perkara2 yang berkebajikan dan bermenafaat untok menjamin masa depan kita itu.



**DERGAHAYU KEBAWAH DULI TUANKU !**

**GAMBAR kanan menunjokkan Kebawah DYMM bersama2 Y.A.B. Tuan Anthony Royle dan Puan Royle sa-telah Baginda melaksanakan perasmian Bangunan Peringatan Churchill pada 23hb Nobember, 1971. DYTM Paduka Seri Begawan Sultan (sebelah kanan) juga berangkat ka-Istiadat Perasmian tersebut.**











Kebawah Duli Yang Maha Mulia merasmikan loji Chechair Asli di-Lumut.

# KEMAJUAN DI-BAWAH PEMERENTAHAN BAGINDA SULTAN

SEJAK Baginda menaiki takhta Kerajaan pada 5hb Oktober, 1967, Baginda telah berikrar untok meninggikan taraf hidup ra'ayat melalui ranchangan yang berfaedah. Berbagai ranchangan sosio-ekonomi telah di-adakan. Meliputi antara-nya bidang2 pelajaran, perubatan, ugama, talikom, pelabohan dan perkhidmatan udara.

Bidangkuasa perpuspaan itu bukan sahaja memberi hak Baginda di-gelar "Yang Dipertuan" bahkan yang lebeh bererti ia-lah dari kachamata sosial dan politik — esprit de corps ra'ayat dan sanjongan ra'ayat terhadap sistem Pemerentahan Bersultan. Kenyataan ini dapat di-boktikan dengan Istiadat Perpuspaan Baginda telah diraikan sa-chara besar2an dan teristimewa daripada perayaan2 negara yang pernah di-adakan.

Ikrar ta'at setia kapada Baginda dan uchapan "Daulat Tuanku" dari seluroh lapisan ra'ayat memenohi ruang angkasa Brunei sa-bagai lanjutan dari Istiadat Memuja oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Bendahara di-Lapau. Kalimat puja saperti "Tuanku menjadi Raja", "Tuanku menjadi pemimpin", "Tuanku menjadi Penaong", "Tuanku menjadi turus tunggak" dan "Tuanku menjadi Yang Dipertuan" ada-lah suatu bokti pengakuan ta'at setia negara dan bangsa.

Kerajaan Baginda terus mengekalkan sistem perubatan perchuma kapada ra'ayat dan mengadakan pembinaan rumah2 sakit dan kelinik2 kesihatan disemua daerah. Bagi pendudok pendalaman yang sukar di-hubongi, sistem perubatan doktor-terbang diadakan. Perkhidmatan ini di-mulakan sejak bulan April, 1965.

Sa-laras dengan taraf pelajaran yang semakin meningkat, Kerajaan Baginda sentiasa menyediakan kemudahan2 pelajaran perchuma yang lebeh baik dengan membina sekolah2 rendah dan menengah serta menubohkan Maktab2 Perguruan dan Pusat Tingkatan Enam. Baginda memberi biasiswa kapada pelajar2 yang memenohi sharat untok melanjutkan pelajaran ka-luar negeri. Di-samping itu Kerajaan Baginda juga memberi peluang kapada pegawai2 dan kakitangan Kerajaan di-hantar belajar ka-luar negeri melalui sekim latehan dalam perkhidmatan. Satu yunit khas di-bawah Pejabat Perjawatan telah di-tubohkan untok mengendalikan sekim tersebut.

Sa-lain daripada minyak sa-bagai hasil utama negara, Kerajaan Baginda terus menambah penghasilan negara dengan mengadakan usaha-sama perusahaan gas chechair asli di-Lumut. Di-samping mengambil aleh sa-bahagian besar daripada saham Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad dan melibatkan diri sachara langsong dalam hal pentadbiran sharikat tersebut Kerajaan Baginda telah meletakan empat orang pembesar negara sabagai Lembaga Pengarahnya.

Kerajaan Baginda juga telah menjadi rakan saimbang dengan Shell dalam memasarkan hasil2 minyak di-seluroh negeri. Satu upachara menandatangani perjanjian telah diadakan pada 6hb April, 1978 di-antara Menteri Besar Brunei, YAM Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bagi pehak Kerajaan Baginda dengan Dato John Cordingley bagi pehak Sharikat Shell.

Kerajaan Baginda juga telah membelanjakan peruntokan yang besar untok membina jalan2 raya, bekalan ayer dan bekalan letrik ka-seluroh negeri demi meninggikan lagi taraf hidup ra'ayat Baginda.

Satu rangkaian pertahanan yang lengkap dan chekap yang terdiri daripada Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei dan Pasokan Pulis Diraja Brunei telah berjaya menjaga keamanan dan keselamatan negeri dan mempastikan yang undang2 dapat berjalan dengan baik-nya.

# Meninggikan mutu mass-media

Dari muka 9

*kikat dan terbokti pada pelaksanaan-nya sudah lebeh 100 tahun lamanya".*

Keberangkatan Baginda Queen ka-Brunei ada-lah suatu pernyataan hasrat untok mengekalkan perasaan muhibbah di-antara ra'ayat British dengan ra'ayat Brunei.

Untok menghormati lawatan Diraja itu. Baginda telah memperkenankan hari kelepasan awam bagi seluroh negeri Brunei salama tiga hari ia-itu pada 29hb Februari, 1972 hingga 3hb Mach, 1972 bagi membolehkan ra'ayat merayakan keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II ke-Brunei yang di-sambut sachara besar2an yang sabahagian besar-nya bersandarkan kapada adat istiadat yang di-modenkan dan di-perbaiki tanpa merombak keaslian-nya.

Di-samping kemudahan perkhidmatan talikom, baik untok perkhidmatan dalam dan luar negeri, Kerajaan Baginda juga telah berusaha mendekatkan lagi hubongan Negeri Brunei dengan dunia luar melalui sistem pengangkutan yang lebeh baik sa-jajar dengan amalan negara2 yang maju di-dunia. Bagi memenohi maksud ini projek besar2an Pelabohan Ayer Dalam di-Muara di-adakan. Projek ini telah siap pada tahun 1972 dan di-gunakan oleh kapal perniagaan pada 28hb Februari, 1973.

Memandang kapada kemajuan2 yang pesat dan hubongan Brunei dengan dunia antarabangsa yang sa-wajar-nya memerlukan sistem pengangkutan yang moden dan terator, Kerajaan Baginda telah membina sa-buah lapangan terbang ia-itu Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas yang di-buka dengan rasmi-nya oleh Baginda pada 18hb Julai, 1974.

Bagi meninggikan mutu mass-media, sa-jajar sa-bagai sa-buah negara sedang membangun, Kerajaan Baginda telah mengadakan Perkhidmatan Talivishen Berwarna. Siaran perchubaan-nya telah di-mulakan pada 1hb Mach, 1975 dan siaran penoh-nya pada 9hb Julai, 1975.

Lanjutan kapada perkhidmatan tersebut, Kerajaan Baginda juga mengadakan Sekim Pinjaman TV berwarna yang sa-tinggi2-nya $3,000 untok pegawai2 dan kakitangan Kerajaan Baginda sa-bagai suatu langkah untok membolehkan mereka memileki TV Berwarna.

Untok tidak mengenapikan ra'ayat Baginda di-pendalaman supaya mengikuti arus perkembangan dalam dan luar negeri, Kerajaan Baginda telah memberi dengan perchuma peti2 TV berwarna bagi tiap2 kampong di-pendalaman.

Langkah Kerajaan menubohkan Sharikat Penerbangan-nya sendiri yang di-kenali dengan nama Penerbangan Diraja Brunei, menampakan satapak lagi Negeri Brunei melangkah ka-dunia antarabangsa. Kerajaan Baginda telah membeli dua buah kapalterbang jenis Boeing 737 dari Seattle dan Boeing 737 Penerbangan Diraja Brunei yang pertama telah mendarat di-Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas pada 9hb Mei, 1975.

Baginda ada-lah sa-orang Sultan yang berdaulat, bijaksana, berdedikasi dan sentiasa mengambil berat tentang kepentingan ra'ayat dan Negeri Brunei Darussalam. Angkatan akan datang akan mengenali zaman pemerentahan Baginda ini sa-bagai "Zaman Kejayaan Brunei" saperti juga kita mengenali zaman Paduka Ayahanda Baginda sa-bagai "Zaman Pemodenan Brunei".

Untok melaksanakan tugas tersebut, seluroh ra'ayat akan tetap berdiri tegoh di-belakang Baginda.



Bermain polo ada-lah salah satu sokan yang Baginda gemari sa-masa lapang dan mengetuai pasokan Polo Brunei dalam beberapa perlawanan saperti antara Brunei melawan Filipina, Singapura dan Hongkong dalam mana pasokan Baginda menchapai kemenangan yang chemerlang.

# SUSUNAN RANCHANGAN MINGGUAN RADIO

## RABU

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Hiboran sambil sarapan; 8.00—Sain dan perusahaan (SU); 8.30—Chitra Irama; 9.00—Dendang Antarabangsa; 9.30 — Cherpen dan Selokan-nya; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran Selingan; 10.30 — Permintaan pagi Rabu; 11.30—Autograph pendengar. **T/HARI:** 12.00 — Tahu kah awda (SU) — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Apa kata mereka (SU); 1.30 — Persembahan pancharagam (SU). **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama di-senja; 6.00—Tafsir Al-Koran (SU) — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Permintaan perajurit; 7.30 — Dari Bengkel Penulis/Mutiara Hikmat; — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — — Belia Zaman Ini; 9.00 — Terima-lah Sampul Surat; 9.30 — Hiboran Pilehan; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## KHAMIS

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Hiboran sambil sarapan; 8.15—Rampaian London; 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Dendang sa-irama (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran selingan; 10.30 — Taman Mekar (SU); 11.00 — Salam dari ku (SU); 11.30 — Rampaian irama. **T/HARI:** 12.00 — Selingkar Madah; 12.15 — Hiboran rampaian tengah hari, — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Tahu Kah Awda (ulangan); 1.30 — Ragam Mudi Mudi. **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03—Harian Radio; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat; 6.00 — Mari Berzikir — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan Hari Ini. **MALAM:** 7.30 — Hidayat; 7.30 — Permainan gambus — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Mari berpantun (SU); 9.00 — Sandiwara Radio (US); 9.30 — Ku Sampaikan Salam; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## JUMAAT

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan Makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Dendang Suria; 8.00—Untok kaum tani; 8.30 — Pelajaran dewasa di-udara; 9.00 — Apa pilehan awda; 9.30 — Tafsir Al-Koran; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Soalan di-udara/apa pendapat awda; 10.30 — Kursus Al-Koran; 11.00 — Kuiz/Berbalas Pantun; 11.30—Hidayat (SU). **T/HARI:** 12.00—Permainan gambus (SU); 12.30—Menunaikan sembahyang fardhu Jumaat, siaran langsong dari Masjid Omar Ali Saifuddin; 1.15 — Irama padang pasir; 1.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45 — Selingan irama; 2.00 — Belia zaman ini; 2.30 — Suara Dari Bintang; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Panorama Radio/Kursus di-radio; 3.30 — Dari Bengkel Penulis/Mutiara Hikmat (SU) —Azan untok fardhu Asar; 4.00—Dari Pengalaman Awda/Suara P.T.E. (SU); 4.30 — Sajak dan irama; 5.00 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama Di-Senja; 6.00 — Irama lagu2 asli; 6.30 — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Cherpen dan selokan-nya; 7.30 — Dokumentari — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Siri Sejarah Brunei; 9.00 — Autograph pendengar; 9.30 — Cheramah Minggu Ini; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong ria; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## SABTU

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan Makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15 — Hiboran Sambil Sarapan; 8.00 — Soalan di-udara apa pendapat awda (SU); 8.15 — Dendang antarabangsa; 9.15 — Majallah Commonwealth; 9.30 — Apa pilehan awda (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Selingan irama; 10.30 — Kursus Radio (SU) dan Panorama Radio (SU); 11.00 — Hiboran pilehan; 11.30 — Dari bintang ka-bintang (SU). **T/HARI:** 12.00—Peristiwa dunia minggu ini; 12.30 — Hiboran rampaian tengah hari — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Documentry Radio (SU); 1.30 — Permintaan hari Sabtu. **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Buloh Perindu; 6.15—Irama padang pasir — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Chitra irama (SU); 7.30 — Bertuturan (SU); — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Selingkar Madah (US); 8.45 — Dari Pengalaman Awda; 9.00 — Kuiz/Berbalas Pantun (US); 9.30 — Suara P.T.E. (SU), Hidangan Melayu Asli; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.30—Do'a Restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## AHAD

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Dendang Suria; 8.30 — Mari Berpantun; 8.00—Majallah Radio; 8.30—Dunia Wanita; 9.00 — Keluarga Si-Awang; 9.30—Taman Mekar; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Surat dari London; 10.30 — Permainan Pancharagam; 11.00 — Terima-lah Sampul Surat; 11.30 — Hello siapa di-sana; **T/HARI:** 12.00 — Sandiwara radio; 12.30 — Rampaian tengah hari — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Pesta ria; 1.45 — Bualan minggu ini. **PETANG:** 2.15 — Suara Pulis Diraja; 2.45 — Hiboran; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Bertuturan (ulangan); — Azan untok fardhu Asar; 4.00 — Arena sokan; 4.30 — Siri Sejarah; 5.00 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Mari Melanchong; 6.00 — Buloh Perindu; 6.15 — Persembahan aneka instrumental — Azan untok farhdu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Suara parajurit — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Apa kata mereka; 9.00 — Keluarga Jaya; 9.30 — Mari berzikir; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 —Siaran Melayu di-tamatkan.

## ISNIN

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Hiboran Sambil Sarapan; 8.00—Peristiwa dunia minggu ini (SU); 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Sain dan perusahaan (BBC); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Berdendang dengan ku; 10.30 — Suara parajurit (SU); 11.30 — Senandong irama. **T/HARI:** 12.00 — Mari Melanchong (SU); 12.15—Hiboran rampaian tengah hari; — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Keluarga jaya (SU); 1.30 — Permintaan jiran tetangga. **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Hiboran di-senja; 6.15 — Irama padang pasir — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Arena sokan (SU); 7.30 — Keluarga Si-Awang (SU) — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Dari Pendengar Untok Pendengar; 9.00 — Untok kaum tani; (SU); 9.30 — Serbanika persembahan; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## SELASA

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Hiboran sambil sarapan; 8.00—Dunia wanita (SU); 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30—Rampaian London (SU); 9.45—Hiboran Pilehan; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Senandong ria; 10.30 — Serbanika Persembahan (SU); 11.00 — Majallah radio/meninjau sambil lalu; 11.30 — Pusparagam; **T/HARI:** 12.00 — Cheramah minggu ini; — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Dari Pendengar Untok Pendengar (SU); 1.30 — Pelajaran dewasa di-udara/dunia pelajar (SU). **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02—Harian Radio; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Persembahan Aneka Instrumental — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Bualan minggu ini (SU); 7.30 — Salam dari ku — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban: 8.30 — Suara Pulis Diraja (SU); 9.15 — Sajak Irama dan Budaya (SU); 9.45 — Senandong Asli; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## APA PILEHAN AWDA

**DAYANG Rohayah binte Asmad, No. 30, Kampong Setia Pahlawan, Bandar Seri Begawan mendapat giliran untok memileh lagu2 dalam ruangan hiboran Apa Pilehan Awda minggu ini.**

**Lagu2 pilehan Dayang Rohayah akan ka-udara pada hari Jumaat 14hb Julai, 1978 jam 9.00 pagi dan siaran ulangan-nya pada hari Sabtu jam 9.30 pagi.**

# RANCHANGAN RADIO BAHAGIAN INGGERIS

## WEDNESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Lunch Music. NOON: 12.00 — Music in Changing Moods produced by Nafisah Haji Ali (repeat). PM: 12.30 — News; 12.45 — International Money Programme; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — My Word; 8.30 — Midweek Greeting by Ja'afar Yaakub; 9.15 — New; 9.30 — Dateline; 10.00 Jazz Club — hosted by Tajul Ahmad; 10.30 — Close Down.

## THURSDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Thursday's Bandwagon — we invite you to hop aboard our non-stop musical express; 11.45 — World of Education. NOON: 12.00 — My Word (repeat). PM: 12.30 — News; 12.45—Rock Line; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The Young Sounds with Tajul Ahmad; 8.30 — "Our Brunei" produced by Evelyn Samuel; 9.00 — Sports Magazine; 9.15 — News; 9.30 — International Call; 10.00 — Music For Easy Listening with Sheikh Abas; 10.30 — Close Down.

## FRIDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00—Opening Announcement—Tajul Ahmad Calling On You; NOON: 12.00—Our Brunei (repeat). PM: 12.30 — News; 12.45 — The Singing Bamboo by Shirley Don; 1.00—Close Down. 8.00—Opening Announcement — Our Local Entertainers produced by Sheikh Abbas; 8.30 — "Whose Body", Episode 5( Bunter Brings a Letter by Dorothy Sayers; 9.00 — Light Music from Netherlands; 9.15 — News; 9.30—Music In Changing Moods produced by Nafisah Haji Ali; 10.00—BBC World Report; 10.15 — A Date with ........... 10.30 — Close Down.

## SATURDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00—Opening Announcement—From Our Local Entertainer (repeat); 11.30—Women's World produced by Evelyn Samuel; NOON: 12.00—The Best of Clitheroe (repeat); 12.30 — News; 12.45 — Man In Our Changing World; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Top of The Pops; 8.30 — Just For Variety; 9.00 — The Singing Bamboo by Shirley Don (repeat); 9.15 — News; 9.30 — Saturday Mail Bag presented by Charan Chand; 10.30 — Close Down.

## SUNDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Children's Half Hour with Veronica Shim; 11.30 — The Sixth Form Calling produced by Tajul Ahmad; NOON: 12.00 — Top of the Pops; 12.30 — News; 12.45 — Hot Question Cool Answers— produced by Nafisah Haji Ali; 1.00 — Close Down. 8.00—Opening Announcement — Does the team think; 8.30 — Be My Guest — introduced by Charan Chand; 9.00 — Perspective; 9.15 — News; 9.30 — Exploring The Classics with Siti Azra produced by Hajjah Zainah; 10.30 — Close Down.

## MONDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 Opening Announcement — Music-Go-Round... an uninterrupted programme of music and songs for your listening pleasure. NOON: 12.00—The Sixth Form Calling (repeat) 12.30 — News; 12.45 — What Fascinates Me by Evelyn Samuel; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Door to Opportunity by Jaafar Yaakub; 8.15 — Monday's Night Mail presented by Hajjah Zainah; 9.00 — Hot Question Cool Answers (repeat); 9.15 — News; 9.30 — Perspective; 9.45 — Theatre Forty-Five "The Ways of Love' by Alun Owen; 10.30 — Close Down.

## TUESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 — Opening Announcement—Housewives' Special. NOON: 12.00 — Be My Guest (repeat). PM: 12.30 — News; 12.45 — Higher and Faster; 1.00—Close Down. 8.00—Opening Announcement — Stereo Pop Special Featuring "Roy Wood's Wizzo Band Side 2; 8.30 — Forum by Vivien Cheong; 9.00 — From Ticket, Tape, and Telephone; 9.15 — News; 9.30 — Hello Tomorrow; 10.00 — Melody Time; 10.30 — Close Down.

# YANG PERTAMA KALI MENDAPAT IJAZAH DALAM SENI MUZIK



KELIHATAN Pegawai Waran Satu Manaf sedang bergaya bangga dengan memakai jubah siswazah yang beliau perolehi.

BERAKAS. — Pegawai Waran Satu, Manaf bin Haji Kamis, anggota Pasokan Pancharagam Askar Melayu Diraja Brunei telah berjaya dengan mendapatkan ijazah seni muzik sa-telah mengakhiri kursus sa-bagai Pengarah Muzik salama tiga tahun di-United Kingdom.

Beliau yang telah pulang ka-tanah ayer pada petang Sabtu lalu, berjaya memperolehi ijazah2 Fellow of The Victorian College of Music (FVCM), Licentiate of The Teaching College London (LTCL) dan Associate of The London College of Music (A.Mus. LCM).

Pegawai Waran Satu Manaf ada-lah merupakan anak Brunei yang pertama mengikuti kursus tersebut dengan memperolehi kejayaan sa-telah mula mengikuti kursus itu pada tahun 1975 di-Royal Air Force School of Music, United Kingdom.

Berusia kira2 31 tahun, Pegawai Waran Satu Manaf telah mula berkhidmat dengan Pasokan AMDB sejak bulan Disember, 1961.

Sepanjang berkursus salama tiga tahun, Pegawai Waran Satu Manaf telah menghadhiri beberapa pepereksaan di-maktab2 tinggi muzik di-London. Antara-nya beliau telah di-ijazahkan sa-bagai 'Band Mastership Conductor Muda' bagi sa-buah Symphonic Orchestra dan Military Band serta berkelayakan sa-bagai Pegawai Pemereksa Muzik bagi sekolah2 rendah dan menengah.

Memandang atas kejayaan yang telah beliau chapai itu, Pegawai Waran Satu Manaf telah berpeluang dan berkesempatan menggubah dan menchipta beberapa buah lagu antaranya bertajok 'BRUNEI BUMI BERTUAH'.

Chiptaan lagu tersebut telah sempat di-pertunjokkan buat pertama kali-nya di-tempat beliau berkursus dalam satu pertunjokan dalam bulan Mach yang lalu dengan mendapat sambutan hangat dari penonton2.

'BRUNEI BUMI BERTUAH' ada-lah merupakan tajok pada lagu yang menggambarkan sa-buah negeri yang aman tenteram, berdaulat dan makmor dengan kemegahan yang gilang-gemilang serta memileki dan menekmati semua keindahan dan perkembangan negeri yang subor.

Lagu ini di-tulis dalam dua chorak : Choir dan Instrumental. Permainan sa-chara instrumental akan dapat di-ikuti oleh peminat2 muzik di-negeri ini apabila lagu tersebut akan di-persembahkan dan dibawakan oleh Pasokan Pancharagam AMDB dan Pulis Diraja Brunei ketika perbarisan hari keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada 15hb Julai depan di-Padang Besar di-ibu negeri.



KELIHATAN YB. Pehin Orang Kaya Seri Dewa sedang berchakap2 dengan salah sa-orang anggota 'A' Kompeni yang mengambil bahagian dalam latehan itu, kelihatan juga 2nd Lt. Mohd. Aisa (paling kanan) ketua pasokan, memerhatikan perbualan mereka.




# AKHIRI 75 BATU PERJALANAN DALAM 19 JAM

BERAKAS. — Sa-ramai 12 orang anggota pasokan 'A' Kompeni dari Battalion Pertama Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei telah berjaya menamatkan latehan berjalan chepat (force march) mereka yang bermula dari Kuala Belait dan berakhir di-Berakas.

Perjalanan tersebut yang pada mulanya di-jadualkan berakhir pada jam 1.30 petang hari Rabu lepas telah dapat di-akhiri pada jam 11.30 pagi ia-itu dua jam lebeh awal sa-telah berjalan kira2 75 batu dalam jangka masa 19 jam sahaja.

Perjalanan itu yang bermula di-Padang KBRC, Kuala Belait pada hari Selasa, 4hb Julai jam 4.30 petang dan berakhir di-hadapan pasokan 'A' Kompeni Perkhemahan AMDB di-sini telah di-ketuai oleh 2nd Lt. Mohd Aisa.

Menurut beliau, pasokan-nya hanya membuat rehat untok makan malam di-Balai Pulis Sungai Liang dan beberapa tempat lain untok minum sa-ketika di-sepanjang perjalanan itu.

Sa-tiba pasokan itu di-pintu masok Perkhemahan AMDB di-sini, mereka telah di-sambut oleh sa-pasokan pancharagam AMDB dan di-arak sa-hingga di-hadapan pasokan 'A' Kompeni.

Kedatangan mereka itu juga telah di-sambut oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Lt. Kol. Dato Seri Pahlawan Mohammad bin Haji Daud, Pegawai Pemerentah Battalion Pertama AMDB serta pegawai2 kanan dan anggota2 AMDB.

Pasokan berjalan chepat itu ada-lah merupakan salah satu dari tiga platon 'A' Kompeni yang menjalankan beberapa latehan di-dua daerah negeri ini minggu lalu.

Dua platon yang lain-nya telah juga berjaya menjalankan latehan mereka di-Daerah Temburong ia-itu latehan terus hidup (survival exercise) dan latehan berdayong (canoeing).



PASOKAN pancharagam yang sedia menunggu ketibaan pasokan berjalan chepat sedang mendahului dan mengarak dengan penoh kebanggaan yang berakhir di-hadapan pasokan 'A' Kompeni.



INI-LAH dia barisan anggota berjalan chepat dari 'A' Kompeni ketika melintasi hadapan Pusat Latehan AMDB di-Perkhemahan Bolkiah pada kira2 pukol 9.14 pagi.



BEREHAT sambil membuka kasut masing2 untok melepaskan penat sa-telah berjalan sajauh kira2 75 batu dari Kuala Belait dan berakhir di-Perkhemahan Berakas jam 11.30 pagi.

# KG PASAI TEWASKAN TANJONG NANGKA



KELIHATAN Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Mohd. Salleh bin Haji Hidup, sedang menghidupkan gasing dan gasing maseh berpaut pada tali-nya, menandakan perasmian perlawanan main gasing, sa-bagai salah satu achara persembahan Persatuan2 Belia dan Kebajikan sempena menyambut hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei kali ke-32.

SENGKURONG. — Kampong Pasai telah dapat menewaskan Kampong Tanjong Nangka dalam satu perlawanan main gasing yang telah di-adakan di-sini minggu yang baru lalu. Perlawanan tersebut ada-lah sa-bahagian daripada achara persembahan Persatuan2 Belia dan Kebajikan, sempena menyambut hari keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei kali yang ke-32 tahun.

Perlawanan main gasing itu telah di-rasmikan oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Mohd. Salleh bin Haji Hidup. Turut hadhir di-majlis perasmian itu ia-lah: Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abdul Hamid bin Bakal; Yang Dipertua MBB, Awang Haji Jaya bin Abdul Latif; Penghulu Mukim Sengkurong, Orang Kaya Maharaja Dinda Awang Haji Saman dan Peyusun Latehan Jasmani, Jabatan Pelajaran, Awang Haji Hussain bin Zainal.

Perlawanan bermain gasing sa-chara liga itu di-teruskan pada minggu2 berikut-nya sahingga selesai, di-jangka pada pertengahan bulan Julai ini. Perlawanan berikut-nya minggu lalu ia-lah di-antara Kampong Mulaut dengan Kampong Kulapis.

Ada-lah di-fahamkan perengkat akhir perlawanan main gasing bagi Daerah Brunei dan Muara ini di-adakan pada masa menyambut Pesta Ria di-Pantai Muara pada 23hb Julai.

Perlawanan ini juga nanti untok memileh wakil Daerah Brunei dan Muara untok merebut kejohanan main gasing sa-negeri yang akan di-langsongkan di-Pantai Seri Kenangan, Tutong, sempena merayakan hari keputeraan Kebawah DYMM ke-32 bagi Daerah Tutong.

Sa-jauh ini, Persatuan Main Gasing di-negeri ini belum lagi di-tubohkan dan ura2 untok menubohkan-nya sedang di-usahakan oleh peminat2-nya: Dan adalah di-harapkan sesudah tertuboh-nya persatuan tersebut; perlawanan main gasing itu akan dapat di-ketengahkan umpama-nya di-pertandingan sokan antara tiga wilayah; Sarawak, Sabah dan Brunei, saperti hal-nya dengan perlawanan sepaktakraw yang di-pertandingkan di-Sokan Tenggara Asia yang lalu dan lain2 lagi permainan tradisional.



AWANG Mohd. Salleh sedang menerima chen dera-mata di-majlis perasmian main gasing, sedang di-perhatikan oleh para penunton.



SA-JURUS sa-belum perlawanan di-mulakan, Awang Mohd. Salleh di-perkenalkan dengan pemain2 gasing dari Kampong Pasai, yang telah memenangi perlawanan sa-telah menewaskan pasokan dari Kampong Tanjong Nangka.



Awang Mohd. Salleh di-perkenalkan kapada pemain2 gasing dari Kampong Tanjong Nangka, Sengkurong.

# GRAND PRIX BRUNEI 15HB DAN 16HB JULAI INI DI-JANGKA HEBAT

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tujoh orang pelumba kereta yang handal dari Singapura dan Malaysia, di-jangka akan menyertai perlumbaan Brunei Grand Prix Super Saloon disamping perlumbaan2 tempatan.

Kenny Lee dari Kuala Lumpur, pemandu CAPELLA yang telah memenangi Grand Prix Selangor dan Pulau Pinang, baru2 ini, telah tiba di-sini semalam. Beliau di-jangka akan menjadi penchabar hebat dalam Brunei Grand Prix kali ini. Kenny Lee dan mekiniknya tiba di-sini atas tanggongan Federal Motors sa-bagai ajen penjual kereta MAZDA di-Brunei.

Sa-orang penchabar yang handal lagi dalam Brunei Grand Prix ini, ia-lah Del Schloemer dan isteri-nya Cherie dari Singapura yang pernah memenangi perlumbaan Grand Prix di-Filipina, Malaysia dan Macau. Bersama2 mereka ia-lah Ian Grey, sa-orang lagi pelumba dari Singapura.

Perlumbaan Brunei Grand Prix, yang di-jangka hebat pada kali ini akan di-sertai oleh kira2 80 orang pelumba kereta tempatan dan luar negeri. Ia-nya di-adakan di-lapangan terbang lama Berakas, pada dua hari berturut2 ia-itu pada 15hb dan 16hb Julai ini, sempena merayakan hari keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei kali yang ke-32.

Ada-lah di-fahamkan pelumba2 kereta dan motorsikal akan mengadakan latehan2 dan ujian2 di-tempat perlumbaan itu mulai dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang, esok dan lusa.

Perlumbaan ini ada-lah kali kelima anjoran Persatuan Automobil Brunei dan Jawatankuasa Perayaan Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei kali yang ke-32.

**Perlumbaan 15hb Julai** — di-mulakan dengan lumba kelas modified, sa-banyak 5 achara ia-itu: Lumba Kelas I dengan 15 pusingan di-mulakan jam 1.30 petang. Achara kedua lumba kelas II, 15 pusingan mulai jam 2.15 petang.

Achara lumba ketiga ia-lah bagi kelas III sa-banyak 15 pusingan mulai jam 3.00 petang. Achara ke-empat bagi kelas IV sa-banyak 15 pusingan mulai jam 3.45 petang.

Achara kelima ia-lah Lumba Motorsikal Grand Prix sa-banyak 40 pusingan mulai 4.30 petang.

**Perlumbaan 16hb Julai** — Tepat jam 8.30 ia-lah upachara perasmian Brunei Grand Prix 1978 dan di-ikuti achara pertama pada hari itu ia-lah perlumbaan kelas terbuka 2,000 cc (modified) sa-banyak 20 pusingan jam 9.00 pagi.

Produksi Kereta Kelas I sa-banyak 10 pusingan mulai jam 10.00 pagi; Produksi Kereta Kelas II, 10 pusingan jam 10.30 pagi dan di-ikuti dengan Produksi Kereta Kelas III, sa-banyak 10 pusingan, mulai jam 11.00 pagi dan Produksi Kereta Kelas IV, 10 pusingan pada jam 11.30 pagi.

Sa-lepas rehat makan tengah hari, perlumbaan di-mulakan dengan lumba kereta bagi wanita sa-banyak 10 pusingan, mulai jam 1.30 petang dan di-ikuti dengan perlumbaan khas lima pusingan jam 2.15 petang.

Kemunchak perlumbaan ia-lah, Lumba Super Saloon sa-banyak 50 pusingan mulai jam 2.30 petang.

Pada jam 7.15 malam, pelumba2 kereta dan para jemputan khas akan menyaksikan satu upchara penganugerahan Piala Kebawah DYMM kapada pemenang Brunei Grand Prix kali ke-lima yang akan di-anugerahkan oleh Baginda sendiri dalam satu majlis bertempat di-Dewan Majlis, di-ikuti dengan makan berserak.




# Sokan Ria Pelajar2 Dewasa

SERIA.—Pelajar2 Dewasa Sekolah Menengah Melayu Muhammad 'Alam Seria, akan mengadakan temasha sokan ria yang akan di-langsongkan di-Padang SMMMA pada 1hb Ogos depan mulai jam 1.30 petang. Sokan tersebut dianjorkan oleh Penyelia Pelajaran Kelas Dewasa dan guru2 Kelas Dewasa SMMMA.

Sa-ramai 250 orang pelajar2 dewasa wanita tua dan muda akan mengambil bahagian dalam temasha tersebut yang mengandongi sa-banyak 19 achara yang menarek.

Sokan itu akan di-rasmikan oleh Ketua Unit Peranchang, Kajian dan Bimbingan, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong, sementara penyampaian hadiah2 pula akan di-laksanakan oleh isteri Pegawai Daerah Belait, Datin Naemah binte Haji Razali.

Penganjor temasha sokan ria itu mempersilakan ibubapa dan orang ramai untok menyaksikan-nya.

# KURSUS SIVIK PENUNTUT2 BRUNEI SEBERANG LAUT KALI KE-3

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kursus sivik penuntut2 seberang laut kali ketiga akan di-adakan pada 30hb Julai, 1978 hingga 4hb Ogos, 1978, bertempat di-Pusat Belia di-sini. Kursus tersebut anjoran Bahagian Penerangan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan dengan kerjasama Jabatan Pelajaran dan Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Kursus yang berthemakan 'Penuntut sa-bagai pemimpin hari esok' itu bertujuan antara lain ia-lah untok memberikan gambaran yang lebeh dekat dan efektif mengenai ranchangan2 kemajuan Kerajaan yang meliputi semua aspek pembangunan; menanamkan serta mendekatkan lagi pengertian kerjasama, semangat kaseh sayang dan perasaan chinta kapada Raja, Negara, Ugama dan Bangsa pada mendukong chita2 untok menjamin keamanan dan keselamatan negara.

Kursus itu juga memberi peluang2 perbinchangan terbuka kapada penuntut2 atau peserta2 kursus yang akan meliputi semua bidang di-samping mendekatkan lagi hubongan mesra di-antara penuntut2 itu sendiri.

Penuntut yang akan mengikuti kursus itu ia-lah mereka yang telah mendapat dermasiswa dari Kerajaan yang sedang berchuti di-tanah ayer sementara penuntut2 yang mendapat dermasiswa dari Sharikat Minyak Shell Brunei yang ingin ikut serta dalam kursus tersebut ada-lah juga di-kehendaki hadhir dan hendak-lah melaporkan diri ka-Pusat Belia pada 30hb Julai ini mulai dari jam 3.00 hingga 6.00 petang.

Kira2 sa-ramai 100 orang peserta di-jangka akan menghadhiri kursus tersebut, dan sa-banyak delapan tajok cheramah akan di-sampaikan oleh pencheramah2 yang terdiri dari pegawai2 kanan Kerajaan.

Untok mendapatkan penerangan2 yang lanjut berhubong dengan kursus itu, boleh-lah berhubong dengan Jabatan Pelajaran Bahagian Dermasiswa talipon : 25511 atau 26635 dan 26848, Bandar Seri Begawan.

Penuntut2 yang telah mendapat dermasiswa dari Kerajaan yang terpileh mengikuti kursus tersebut ada-lah saperti berikut: —

Abib bin Haji Mohiddin, Abdul Talip bin Tassin, Ahmad bin Tinggal, Alipudin bin Omarkandi, Bakar bin Haji Berudin, Hassan bin Jumahat, Ak Idris bin Pengiran Haji Bakar, Jantin bin Jamau, Kasim bin Metali, Larang bin Malang, Manap bin Md Zain, Manjanal bin Tujoh.

Md Hassan bin Haji Md Tahir, Md Salleh bin Mohamed, Md Taib bin Haji Abdul Wahab, Metali bin Sitai, Kasim bin Nilau, Marsidi bin Haji Akip, Ak Redzuan bin Pengiran Haji Abas, Selamat bin Liman, Awang Sen Pin, Simat bin Angas, Tarif bin Haji Ali Hassan, Yusop bin Metassan.

Ak Othman bin Pengiran Ibrahim, Siti Rohani bte Haji Md Hussein, Jeludin bin Awang Damit, Haji Mohd Nor bin Haji Jeludin, Jaidin bin Kahar, Yusof bin Ladi, Abd Halim bin Haji Md Yusof, Abd Kahar bin Bolhassan, Abd Karim bin Haji Rashid, Ahmad Ghazali bin Haji Tengah, Dayang Magdalene Lian Beng Hua.

Harith bin Pehin Orang Kaya Pekerma Sura Haji Abd Manan, Jamilah bte Abd Karim, Jamilah bte Metarsad, Dayang Lim Meng Keang, Ak Mashor bin Pengiran Ahmad, Md Kamaruddin bin Haji Abd Wahab, Md Said bin Ahmad, Md Syaipuddin bin Haji Abdullah, Md Yakub bin Ahmad, Md Yunos bin Mahmud, Rogayah bte Tajuddin.

Saedah bte Haji Md. Yusof, Dk Siti Aminah bte Pengiran Mohamad, Dk Siti Zulia bte Pengiran Haji Tengah, Awang Tan Jee Meng, Zakaria bin Ibrahim, Zulkipli bin Abdullah, Zainidi bin Haji Sidup, Abdul Majid bin P.D.P.D. Haji Abd Rahim, Ak Zaini bin Pengiran Haji Kamaludin, Ak Abd Ghani bin Pengiran Haji Metusin, Siti Hindun bte Haji Md Yusof, Awang Victor E. Keasberry, Salmah bte Janda, Dk Hajjah Mastoli bte Pengiran Seri Indera Pengiran Haji Ismail, Awang Leong Yit Peng, Alias bin Shari, Rasani bin Hamid, Ak Tajuddin bin Pengiran Puteh, Md Husseini bin Haji Md Hussein, Saifon bin Awang Besar, Hairuni bte Md Ali Maricar.

Zaimi bin Talib, Md Lazim bin Matali, Shak bin Abdullah, Haji Isa bin Haji Tamit, Tassim bin Akim, Serbini bin Haji Matahir, Yusof bin Haji Ismail, Zulkifli bin Md. Salleh, Rosli bin Metussin, Piah binte Mohd Saad, Aisah bte Haji Yusof, Noriah bte Mohammad.

Zasiah bte Sirin, Ramiah bte Abu Bakar, Masnon bte Haji Ibrahim, Hajjah Fatimah bte Haji Abd Ghani, Rashidah bte Haji Tengah, Mastura bte Haji Awang, Norzaint bte Matahir, Buntar bte Jais, Norhaini bte Haji Baha, Salmah bte Haji Md Yusof, Zainonah bte Md Dikir, Ak Mohammad bin Pengiran Kamaludin, Ak Baharuddin bin Pengiran Jaludin.



SA-ROMBONGAN mengandongi 11 orang ahli Lembaga Penapis Filem dan Hiboran Awam serta Penapis Ranchangan Talivishen telah berlepas ka-Singapura Khamis lepas.

Ini ada-lah merupakan kunjongan pertama lembaga tersebut mengadakan lawatan seumpama itu ka-Singapura dan ia-nya bertujuan untok memerhatikan kemajuan Lembaga Penapis Filem dan Hiboran Awam di-republik itu.

Rombongan tersebut telah di-ketuai oleh Pengiran Bahar bin Pengiran Shahbandar Anak Hashim. Dan turut menguchapkan selamat belayar di-lapangan terbang ia-lah Pengerusi Lembaga Penapis Filem dan Hiboran Awam, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang Mohd. Salleh bin Haji Masri (gambar atas).

## Pegawai2 Pengembangan Ternakan melawat Steshen Pertanian Luahan

JERUDONG. — Satu rombongan mengandongi sa-ramai 10 orang Pegawai2 Pengembangan Ternakan dari Jabatan Pertanian Daerah Belait yang di-ketuai oleh Penolong Pegawai Pertanian Kuala Belait, Awang Yap Soo Kiat telah mengadakan lawatan ka-Steshen Pertanian Luahan sini pada 24hb Jun, 1978 yang lalu.

Lawatan yang sama juga telah di-lakukan oleh Pegawai2 Pengembangan Haiwan Daerah Brunei/Muara dan Daerah Tutong.

Sa-belum rombongan itu di-bawa melawat kawasan rumput dan tempat pembiakan sapi, mereka telah di-berikan taklimat di-bilek Steshen tersebut oleh Pegawai Ternakan, Awang J.G. Woodfood (Kelihatan dudok bertenggong di-sebelah kanan sa-kali gambar bawah).

Demikian juga mereka itu telah di-berikan penerangan oleh Pengurus Steshen, Awang Abdul Aziz bin Sahat mengenai Pentadbiran Steshen, Pengurusan Ladang, Penanaman Rumput dan Urusan Pembiakan Binatang Ternakan.



## Pameran Urusan rumah tangga

PEKAN BANGAR, TEMBURONG. — Pameran Urusan Rumah Tangga ada-lah salah satu achara yang akan di-adakan sempena Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan bagi Daerah Temburong.

Pameran tersebut akan di-adakan di-Dewan Raya Bangar pada hari Ahad 23hb Julai mulai jam 10.00 pagi.

Orang ramai, khas-nya kaum ibu di-daerah tersebut yang ingin mengambil bahagian dalam pameran tersebut boleh-lah berhubong dengan Dayang Norhani binte Pawi dan Dayang Zainab binte Kalong di-Pekan Bangar.

## Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 15hb. hingga 22hb. Julai, 1978

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA | |
|---|---|---|---|---|
| Kawasan Mesjid, Kampong Sengkurong | *15.7.1978 | Sabtu | 2.00– 3.00 | petang |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas | *15.7.1978 | Sabtu | 3.15– 4.15 | „ |
| Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut | *15.7.1978 | Sabtu | 4.30– 5.30 | „ |
| Sekolah Melayu Sungai Hanching | 17.7.1978 | Isnin | 3.00– 4.00 | „ |
| Berhadapan Kedai, Pekan Muara | 17.7.1978 | Isnin | 4.30– 5.30 | „ |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Menengah) | 18.7.1978 | Selasa | 9.15–10.15 | pagi |
| Sekolah Melayu Anggerek Desa | 18.7.1978 | Selasa | 10.30–11.30 | „ |
| Sekolah Melayu Penglima Berudin, Limau Manis | 19.7.1978 | Rabu | 8.30– 9.30 | „ |
| Sekolah Melayu Pengkalan Batu | 19.7.1978 | Rabu | 9.45–10.45 | „ |
| Sekolah Melayu Masin | 19.7.1978 | Rabu | 11.00–12.00 | T/Hari |
| Sekolah Melayu Birau | 22.7.1978 | Sabtu | 1.30– 2.30 | petang |
| Sekolah Melayu Kiudang | 22.7.1978 | Sabtu | 2.45– 3.45 | „ |
| Sekolah Melayu Lamunin | 22.7.1978 | Sabtu | 4.00– 5.00 | „ |

*15hb Julai — Chuti Hari Keputeraan DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan.

## Pameran bunga

TUTONG. — Satu pameran bunga yang di-anjorkan sebagai sebahagian achara sambutan perayaan hari puja usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan di-Daerah Tutong akan di-adakan pada 23hb Julai.

Pameran tersebut akan di-adakan di-Kawasan Bangunan Jabatan2 Pertanian dan Hutan di-Pekan Tutong.

Borang2 penyertaan boleh di-dapati dari Awang Mohammad Arif bin Haji Bolhassan di-Pejabat Pertanian Tutong atau dari Awang Osman bin Ghani di-Steshen Pertanian Birau dan hendak-lah di-kembalikan kapada Setiausaha Jawatankuasa Peraduan, Awang Suhaimi bin Abu Bakar sabelum 14hb Julai, 1978.

# KENYATAAN2 TAWARAN

## KENYATAAN2 PEGAWAI PENGUASA WARITH KERAJAAN, BRUNEI

### SURAT KUASA PESAKA

**No. 59/1978**

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Haji Jair bin Saidil, Kg. Lambak, Jalan Berakas, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Osman bin Saidil yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah adek-beradek kapada si-mati.

**No. 60/1978**

**BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat** oleh Awang Damit bin Haji Awg Tengah, 34, Kg. Kiulap, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Haji Awg Tengah bin Awg Badar yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

**No. 79/1978**

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Angas bin Timpus, 17, Kampong Kulapis, Bt. 13, Jalan Tutong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Jahat binte Sabtu yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

**No. 80/1978**

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Jakut bin Brudin, Balai Pulis Lapangan Antarabangsa, Jalan Berakas, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Timbang bin Brudin yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

**No. 81/1978**

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Matjanih bin Mat Daud, 20, Kg. Kianggeh, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Mohammad Daud bin Abg. Dol yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

**No. 82/1978**

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Abdul Halim bin Md. Yusof, 96, Kampong Lumapas, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Yusof bin Itam yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

**No. 83/1978**

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Han Swee Heia @ Ah Tee, P.O. Box 46, Labuan kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Tan Sigoloto yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah chuchu kapada si-mati.

**No. 84/1978**

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Toh King Liam, 301, Geok Tee Building, Jalan McArthur, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Too Hong Joo yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah adek beradek kapada si-mati.

**No. 85/1978**

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Nayan bin Lamat, 5, Kampong Bukit Bunga, Jerudong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Lamat bin Bunal yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

**No. 86/1978**

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Omar bin Haji Ahmad, Pejabat Kastam Diraja, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Haji Ahmad bin Metali @ Haji Besar yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

**No. 87/1978**

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Johnny Escoto, P. O. Box 2265, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Charlie Escoto yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

**No. 89/1978**

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Pengiran Duraman bin Pg Sulaiman, 15, Kampong Lambak, Jalan Pasir Berakas, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Pengiran Sulaiman bin Pg Arshad yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

**No. 90/1978**

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Serbini bin Puasa, 65, Kg. Lambak, Jalan Berakas, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Timah bte Banga yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

**No. 91/1978**

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Haji Yahya bin Mat Serudin, 33, Kampong Serasa, Muara, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Mat Serudin Raman yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

**No. 92/1978**

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Halimah bte A. Lamit, 6, Kampong Tamoi Tengah, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Chuchu bin Rahman yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kapada si-mati.

**No. 93/1978**

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Haji Sabtu bin Jamat, No. 5, Kampong Burong Lepas, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Hajjah Damit bte Haji Pakar yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

**No. 94/1978**

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Haji Ibrahim bin Salam, No. 26, Kampong Kasat, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Armah bte. Ibrahim yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah suami kapada si-mati.

**No. 95/1978**

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Chua Peng Kui, d/a Pasokan Pulis Diraja Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Swee Hoon Chua yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah adek beradek kapada si-mati.

**No. 96/1978**

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Bulan bte Haji Sangkai, 7, Kampong Kupang, Tutong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Haji Sangkai bin Haji Sabtu yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

**No. 97/1978**

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Ore anak Itam, c/o Ibrahim Chee & Co., 2nd Floor, 144, Jalan Chevalier, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Changai anak Gindang yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kapada si-mati.

**No. 98/1978**

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Apong bin Haji Puteh, Jabatan Radio dan Talivishen, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Tiamat bte Damit yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

**No. 99/1978**

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Haji Asmat bin Awang Arsat, 15, Kampong Sengkurong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Bagaol bin Arshad yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah adek-beradek kapada si-mati.

**No. 100/1978**

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Salmah bte Perak, No. 89, Kampong Lambak, Berakas, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Taib bin Sulaiman yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kapada si-mati.

**No. 101/1978**

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Pengiran Haji Shahbiddin bin Pg Omarali, Kampong Sg. Buloh, Bt. 12, Jalan Kota Batu, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Jaafar bin Mohamad yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah saudara-mara kapada si-mati.

**No. 102/1978**

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Hjh Jauyah bte Draman, Batu 20, Jalan Tutong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Haji Awang Sulaiman bin Akai yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kapada si-mati.

**No. 103/1978**

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Chap anak Manchar, d/a H17/62-B, Lorong 5, Seria, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Munah anak Glayang yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah suami kapada si-mati.

**No. Tem. 4/1978**

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dangga anak Balayong, Kampong Kenua, Temburong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Mawat ak. Igol, yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah chuchu kapada si-mati.

**Oleh itu kenyataan2 di-beri bahawa permohonan2 di-atas akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 17 haribulan Julai, 1978, pada jam pukul 9.30 pagi.**

**Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.**

**Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.**

CHARLIE FOO
*Pegawai Penguasa Warith, Negeri Brunei*

## KENYATAAN TAWARAN

PEMBORONG2 ada-lah di-pelawa untok menghantarkan tawaran mereka bagi menjalankan perkhidmatan Kanten Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Pekan Seria.

2. Tawaran2 hendak-lah di-hantar kapada Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di-alamat Pejabat Kewangan Negara tidak lewat dari 1hb Ogos, 1978, hari Selasa jam 3.00 petang.

3. Di-luar sampol surat hendak-lah di-buboh nama "TAWARAN KANTEN SEKOLAH UGAMA PENGIRAN ANAK PUTERI RASHIDAH SA'ADATUL BOLKIAH, PEKAN SERIA." Nama2 lain tidak di-kehendaki.

4. Wang pendahuluan mengenai perkara ini hendak-lah di-bayar sa-banyak $50.00 kapada Bahagian Kewangan Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan, Brunei pada bila2 masa waktu pejabat di-buka sa-hingga jam 3.00 petang sabelum tarikh penutop tawaran ini saperti di-para (2) di-atas.

5. Untok mendapatkan keterangan lanjut, maka Guru Besar Sekolah Ugama yang berkenaan boleh-lah di-hubongi.

6. Kerajaan tidak akan terlibat menerima sebarang tawaran yang murah atau sa-umpama-nya.

## TENDER FOR THE SUPPLY OF SAFETY SHOES

TENDERS are invited for the supply of approximately 300 safety shoes over a period of 12 months. The shoes must be to the following specifications:—

a) **Uppers to be of pure leather.**
b) **Soles to be non-skid oil resistant rubber.**
c) **Must have a steel toe-cap manufactured to British Standard Specification No. 953 for Grade 150 footware.**

Tenders should be sent to the Education Department Head Office (Technical Section) State of Brunei not later than 22nd July, 1978.

## SUCCESSFUL TENDERS

1. Supply of Class III teakwood furniture for 20 unit Security Guard Barrack at Istana Edinburgh — Fashion Furniture Co — $32,400 — 2 months.
2. Uniforms for Agriculture Department — M Rashid & Co:
   Long trousers in dark grey drill — $17.50.
   Long sleeved shirts in dark grey drill — $12.50.
3. Improvement to Perdana Wazir English School — Sharikat Pemborong Wataniah — $283,722 — 6 months.
4. Insurance — 10 Bell Helicopter — Mollers' Pte Ltd — $34,028.71.
5. Construction of retaining wall for shooting range at Police Barrack Training Centre — Sh Pembangunan Sari Sabina — $27,940.
6. Kitchen equipment installation RTTC extension — Auto Electric Co — $123,741.
7. Repainting perimeter security fence at Istana Darul Hana — Mohd Hassan Abdullah — $50,255.
8. Sandfilling to road reserve (North side), KB/Seria main road — Sim Boon Swee — $314,280 — 7 months.
9. Construction of condensing and evaporating units at aircraft maintenance area, International Airport — Chan Wing Const Co — $21,141.
10. Supply of mattress cover cases (single) — M Rashid & Co — $9.50 each — 45 days.
11. Supply, installation and commissioning of miscellaneous equipment for proposed Force Workshop, Bolkiah Camp — Messrs Kon Kim Elec Co — $512,816 — 40 weeks.
12. Electrical installation at the Telephone House — Brunei Electric Co — $172,176.
13. Air conditioning installation to additions and alterations at the Flotilla Base — Paramount Pte Ltd — $621,213.95 — 28 weeks.
14. Proposed additional 200 units Security Guard Barracks at Istana Edinburgh — Regional Const Pte Ltd — $4,581,273.
15. Earth filling works to housing site at Muara — Yu Lian Dev Sdn Bhd — $91,190.97 — 3 months.
16. Proposed intensive care unit, General Hospital, BSB — Sung Lee & Chu Const Co — $131,500 — 3 months.
17. Construction of Government Office, Tutong — Pembinaan Bersatu Ltd — $2,295,221.22 — 16 months.
18. Fencing to Suri Seri Begawan Hospital and other works, KB — Chan Ah Peng Const — $99,930 — 6 months.
19. Repainting to Asbestos roof of JBSE Building, KB — Wee Shui Huat Contractor — $49,530 — 3 months.
20. Construction of Elec Dept office, Seria, and renovation to existing office, KB — Foo Yun Yun Gen Contractor — $214,110 — 8 months.
21. One block Class "G" qtrs and ancillary works at Sengkurong Police Station — Chai Yong & Son — $114,556 — 5 months.
22. Conversion of Building Trades School to a Technical Institute, Phase IV — Pg Taib bin Pg Bungsu — $82,150 — 3 months.
23. Construction of interception drain on "F" qtrs compound, Jalan Bahagia — Purnama Const — $23,865 — 2 months.
24. Underground high tension cable laying at Jalan Beribi — Liew Nyuk Sen Co — $15,380 — 7 weeks.
25. Erection of 28ft steel poles and stay rods at Kg Rimba, Gadong — Liew Nyuk Sen Contractor — $12,750 — 5 weeks.
26. Cable laying for Integrated Weapons Complex, Kg Kapok — Liew Nyuk Sen Contractor — $10,217.50 — 6 weeks.
27. Two billiard tables and accessories for the Messes and Qtrs at the Flotila Base — Maju Jaya Ltd — $27,000 — 6 weeks.
28. Construction of retaining wall at Tanah Perkuboran Rangas — Aw Tengah bin Hassip — $24,465 — 2 months.
29. Air conditioning installation at Cargo Building, International Airport — Borneo Air Cond & Eng Co — $14,987 — 24 weeks.
30. Proposed hangar for RBA — Contract No. 2 — Messrs Tobishima Const Co Ltd:
    Tender "A" — $8,674,104.62 (20 months)
    Tender "B" — $11,776,925.41 (20 months)
31. Proposed telephone exchange at Kg Madang — Messrs Pembinaan Bersatu — $385,359.39 — 6 months.
32. Proposed Security & Intelligence Hqtrs at Kg Pandan, KB — Hong Lee Const Co — $3,505,794.28 — 16 months.
33. Workshop extensions at Kilanas — Meng General Contractor — $52,663 — 8 weeks.
34. Proposed furniture store, workshop and office complex at Old Airport Road — Hong Bee Const Co — $1,473,200 — 9 months.
35. Construction of mosque at Kg Selangan — Hj Md Yussof bin PDI Hj Mokti — $142,286 — 7 weeks.
36. Steps and landing at the graveyard adjacent to Makam Di-Raja — Haji Laidin bin Matserudin — $8,215 — 60 days.
37. Construction of 8 blocks of 12 units "F" type flats and 28 blocks of 2 units Class "G" qtrs for RBMR near 1st Flotilla Base — Hong Lee Const Co — $10,309,218.

## TENDER NOTICE

**LAUNDRY CONTRACT — 1ST BATTALION ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT**

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan, up to 4.00 p.m. Saturday 15th July, 1978.

2. The Contract will be for a period of two years from the date of signing the contract.

3. Tenders must be placed in a plain sealed envelope. There must be no indication on the envelope of the name of the Tenderer. The job tendered for must be clearly shown on the envelope and the wording should be:

"LAUNDRY CONTRACT 1ST BATTALION, ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT."

4. Tender forms and special conditions for the Laundry Contract may be obtained from the DAA & QMG, Headquarters, Royal Brunei Malay Regiment, during normal working hours upon receipt of a deposit of $500.00.

5. The Brunei Government does not bind to accepting the lowest tender.

PELITA BRUNEI, Hari Rabu 12hb Julai, 1978.

# JANGAN TERGESA2 MEMBELI KERETA

BANDAR SERI BEGAWAN—Pengawal Harga, Dayang Hajjah Jusnani Haji Lawie menasehatkan orang ramai supaya jangan tergesa2 membeli kereta, kerana perundingan dengan sa-bilangan sharikat2 penjual kereta itu maseh lagi berjalan untok menentukan harga bagi sa-sebuah kereta.

Perundingan2 yang sedang berjalan itu, kata-nya, termasok-lah dengan Sharikat NBT ia-itu sharikat yang menjual kereta2 jenis Toyota yang diharapkan akan dapat mengemukakan harga2 jualan kapada orang ramai dalam minggu ini.

Kata-nya, peringatan2 telah di-hantar kapada sharikat2 yang belum mengemukakan chadangan harga2 kereta yang mereka jual itu dan berharap keputusan-nya akan dapat di-chapai dalam minggu ini.

Dayang Hajjah Jusnani yakin, hanya dengan kerjasama yang sa-demikian saja-lah, kawalan harga di-negeri ini akan mendapat kesan yang diharap2kan demi kepentingan orang ramai jua.

Bagaimanapun, beberapa buah sharikat telah pun menghantar senarai harga2 kereta yang mereka jual dan senarai harga2 itu akan di-siarkan dalam keluaran minggu depan Pelita Brunei.



Gambar atas menunjokkan Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz menyampaikan Pingat Jasa Chemerlang kapada Ketua Pesurohjaya Pengakap, Awang Haji Ali bin Haji Mohd Daud.

# S.U.K. ALU2KAN USAHA PERSATUAN PENGAKAP UNTOK BERDIRI BEBAS

GADONG. — Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz mengalu2kan usaha Persekutuan Pengakap Negeri Brunei untok berdiri di-atas tapak kaki-nya sendiri tanpa menjadikan ia sa-bagai chawangan pengakap dari seberang laut.

Setia Usaha Kerajaan itu berharap supaya pemimpin2 pengakap dan anggota2 mereka akan terus-menerus menjalankan usaha yang mulia itu dan akan sama2 bertanggong-jawab atas bebanan yang akan mereka pikul sa-bagai sabuah Persekutuan Pengakap yang tersendiri, berdiri tegoh atas tapak kaki-nya yang berlumak di-atas bumi-nya sendiri — Negeri Brunei Darussalam.

Ini telah di-tekankan-nya sa-jurus sa-belum menyampaikan Pingat2 dan Perhiasan2 Pengakap serta Sijil2 Queens Scout di-satu majlis yang berlangsong di-Ibu Pejabat Pengakap Negeri Brunei pada pagi Jumaat lepas.

Pehin Orang Kaya Laila Wijaya menjelaskan, jika hasrat itu sempurna di-chapai tentu-lah Persekutuan Pengakap Negeri Brunei akan menjadi sa-bagai salah sa-buah Persekutuan Pengakap di-dunia yang di-iktiraf sa-bagai badan pengakap antarabangsa — dudok sama rendah, berdiri sama tinggi.

Di-samping mendoakan semoga chita2 itu akan di-chapai dengan gemilang-nya, Yang Berhormat itu berharap yang mereka dengan suka-rela akan terpikul tanggong-jawab itu agar suloh pengakap yang antara-nya mengutamakan "sentiasa bersedia" serta perangai yang sempurna dan terbilang itu tidak akan pajah dan terus menerangi hutan belantara yang memerlukan chahaya.

Mengenai dengan pengorniaan pingat2 dan perhiasan pengakap yang di-datangkan dari London itu, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya mensifatkan penerima2-nya bukan saja merupakan satu penghormatan kapada mereka yang menaborkan jasa bakti dalam bidang pengakap, bahkan juga menempoh satu sejarah baru yang begitu gemilang kapada pergerakan pengakap negeri ini.

"Ini bukan sahaja merupakan bokti kejayaan usaha dan tenaga yang telah di-churahkan oleh penerima2-nya, tetapi juga sa-bagai satu hasil dari usaha dan tenaga seluroh anggota pengakap sama ada yang ada sekarang mahupun yang terdahulu daripada mereka termasok-lah bapa2 pengakap yang mula mengabdikan tenaga mereka dalam bidang itu sa-belum perang dahulu yang antara-nya telah pulang ka-rahmatullahi Ta'ala", kata-nya.

Pada mengenangkan jasa2 mereka yang telah meninggal itu, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya menjemput para hadhirin yang berugama Islam supaya sama2 bersedekah fatihah.

Sa-bagai salah sa-orang yang pernah aktib dalam pergerakan pengakap, Yang Berhormat itu telah menyebutkan bagaimana pertubohan2 pengakap di-negeri ini menempoh dugaan2 untok hidup terus dan dengan kechekalan anggota2-nya ia-nya telah terus bernafas dan tidak pernah mengalami apa yang di-sebut sa-bagai "mati yang tidak berkubor".

Yang Berhormat itu juga menyebut tentang bagaimana Yang Di-Pertua Persekutuan Pengakap Negeri Brunei, Dato Haji Ali Khan menyiulkan lagu pengakap "Waltzing Matilda" di-dalam satu hutan-rimba sedangkan keadaan waktu itu ada-lah dalam huru-hara angkara perang Jepun.

Dengan keadaan itu, kata-nya, tidak hairan-lah Persekutuan Pengakap negeri ini terus bernafas dan di-kurniakan sakeping tanah oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi memesatkan lagi gerakan serta perkembangan-nya.

"Mudah2an penggunaan tanah yang maseh luas itu akan dapat lagi mendorong serta menggalakkan kemajuan2 yang lebeh tinggi nilai-nya demi untok kepentingan masharakat negara kita Brunei Darussalam", ujar-nya.

# Pinjaman membeli kenderaan di-tambah

BANDAR SERI BEGAWAN.—Satu pindaan bagi pinjaman untok membeli kenderaan bagi pegawai2 dan kaki-tangan Kerajaan telah di-luluskan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia menurut Surat Keliling Pejabat Setia Usaha Kerajaan yang bertarikh 19hb Jun lepas.

Menurut Surat Keliling berkenaan, pindaan tersebut telah di-ubah dengan beberapa tambahan pinjaman bagi semua pembelian kenderaan dengan berpandukan segala sharat2 yang terkandong dalam Surat Keliling SUK/26/1976 yang telah di-keluarkan pada 7hb Ogos, 1976 mengenai pinjaman yang sama.

Dari kenyataan yang terbaru itu jumlah bagi pinjaman yang di-pinda bagi Pegawai2 Kerajaan Bahagian I dan Ahli2 Majlis Mashuarat Diraja, Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri serta Ahli2 Surohanjaya Perkhidmatan Awam ada-lah berhak membuat pinjaman sa-banyak sa-hingga $15,000.00

Bagi Pegawai2 Bahagian II dan Yang Amat Mulia Cheteria2, pinjaman di-tambah sa-hingga $12,000.00, sementara pegawai2 Bahagian III, IV dan Yang Dimuliakan Pehin2 Mentri, Mentri2 Hulubalang serta Mentri2 Pendalaman, pinjaman di-bolehkan sa-hingga $9,500.00.

Pinjaman bagi pegawai2 dalam Bahagian V yang menggunakan kenderaan antara rumah dan pejabat ada-lah juga di-naikkan dari $3,500.00 kapada $5,000.00; manakala pinjaman bagi membeli motorsikal di-naikkan sa-hingga $3,000.00, Skuter berjentera $2,000.00; Enjin Sangkut dan Perahu sa-jumlah $2,500.00 dan basikal sa-hingga $200.00.

Sesuai dengan pindaan tambahan pinjaman itu juga, pegawai2 dan kaki-tangan2 Kerajaan yang membuat pinjaman ada-lah di-kehendaki membuat pembayaran balek bagi semua jenis pembelian sa-lama tempoh 4 tahun kechuali bagi pembelian basikal hanya 3 tahun dari tarikh pendahuluan di-keluarkan.

### Dari muka 1

Lain2 achara yang telah di-susun ia-lah persembahan2 aneka warna di-Padang Besar dan di-Pekarangan Istana Darul Hana; berchuchol rumah2; perarakan kenaikan di-ayer; pameran urusan rumah tangga, pertunjokkan bunga2 hidup dan lain2 lagi.

Daerah2 Belait, Tutong dan Temburong juga telah membuat persiapan masing2 untok merayakan Hari Keputeraan Baginda pada tahun ini.

### Dari muka 1

Baginda mengingatkan: "Jangan-lah hendak-nya kita hanya beramal dan bekerjasama pada perkara2 yang mendatangkan keuntongan untok faedah2 dan kepentingan diri sendiri atau perseorangan dan tidak mahu bekerjasama, tidak mahu bertolong2an untok kebajikan masharakat dan negeri kita pada keselurohan-nya".

Pegawai2 Kerajaan juga di-ingatkan oleh Baginda supaya rajin berusaha pada mempelajari bachaan Al-Kor'an dan memahami isi kandongan-nya supaya dengan jalan itu mereka dapat mengambil chontoh2 tauladan dan panduan2 daripada-nya bagi faedah2 dan kepentingan mereka dalam menjalankan tugas2 mereka sa-hari2.

"Beta perchaya, dengan panduan Al-Kor'an, maka mudah2an dapat-lah mereka menjalankan tugas2 dan tanggong-jawab itu dengan sempurna, terator dan memuaskan hati sesuai dengan ajaran2 dan surohan serta tegahan Allah", titah Baginda.

### Dari muka 1

Wazir juga menyatakan dalam sabda-nya supaya majlis sa-umpama itu akan dapat di-jadikan landasan bagi mempertinggikan kesedaran, dan mendekatkan diri kita sa-bagai sa-orang Islam kapada Allah untok beramal ibadat kapada-Nya.

"Maka dengan sendiri-nya akan menimbulkan kesedaran dengan tanggong-jawab kita baik sa-bagai orang perseorangan maupun sa-bagai kumpolan umat Islam terhadap Ugama Islam yang suchi", sabda Yang Teramat Mulia.

# Peraduan Tulisan Rumi dan Jawi

BANDAR SERI BEGAWAN.—Dewan Bahasa dan Pustaka, Bahagian Perpustakaan akan menganjorkan Peraduan Tulisan Jawi dan Rumi yang terbuka kapada kanak2 warga-negara Brunei di-seluroh negeri.

Peraduan yang julong2 kali-nya di-anjorkan oleh DBP itu ada-lah bertujuan untok menambahkan minat membacha dan menggalakkan penggunaan tulisan jawi dan rumi di-kalangan kanak2. Di-samping itu peraduan tersebut juga akan dapat melateh kanak2 supaya tahu membentok huruf dengan betul dan chantek dalam tulisan.

Peraduan tersebut akan di-bahagikan kapada dua bahagian ia-itu Bahagian 'A' bagi Tulisan Rumi untok kanak2 yang berumor enam hingga tujoh tahun dan Bahagian 'B' bagi Tulisan Jawi untok kanak2 yang berumor antara lapan hingga 12 tahun.

Peraduan ini akan di-jalankan dalam dua perengkat ia-itu perengkat Daerah dan Perengkat Negeri. Pemenang2 pertama dan kedua dari tiap2 Bahagian 'A' dan 'B' dalam perengkat daerah akan di-bawa masok ka-perengkat negeri untok di-hakimkan.

Peraduan Perengkat Daerah Belait dan Tutong akan di-adakan pada 7hb Ogos, 1978. Peraduan bagi Daerah Belait akan di-adakan di-Chawangan Perpustakaan DBP Kuala Belait dan Seria sementara peraduan bagi Daerah Tutong akan di-adakan di-Chawangan Perpustakaan DBP Pekan Tutong.

Peraduan Perengkat Daerah Temburong akan di-adakan pada 10hb Ogos bertempat di-Chawangan Perpustakaan DBP Pekan Bangar.

Sa-tiap peserta yang ingin menyertai peraduan ini mesti-lah mengisikan borang yang di-sediakan oleh pehak penganjor.

Borang2 masok peraduan yang telah di-isikan hendak-lah di-kembalikan kapada pusat2 peraduan di-tiap2 daerah tidak lewat dari 22hb Julai, jam 3.30 petang.

# Kembali ka-rahmatullah

BANDAR SERI BEGAWAN.— Yang Dimuliakan Pehin Mantri Bini, Datin Seri Laila Jasa Dayang Hajjah Mariam binte Ahmad telah kembali ka-rahmatullah pada hari Isnin 3hb Julai, 1978 yang lalu. Jenazah-nya selamat di-kebumikan pada hari berikut-nya dan lebeh 1,000 orang telah hadhir di-upachara pengebumian pada hari itu, termasok-lah juga pembesar2 negara.

Yang Dimuliakan Pehin Mantri Bini, ia-lah bonda kapada Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awg Mohd Salleh bin Haji Masri, Ketua Pegawai Penerangan. Allahyarhamah, meninggalkan tiga orang anak (dua orang lelaki dan sa-orang perempuan).

Berusia 102 tahun, meninggalkan 19 chuchu dan 30 orang chichit, Allahyarhamah Pehin Mantri Bini telah di-sampiri nama, Yang Dimuliakan Pehin Mantri Bini pada 10hb Mach, 1951 sa-masa Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin, menjadi Sultan ketika itu.



Di-samping di-sampiri nama itu, Allahyarhamah juga telah di-korniakan bintang kebesaran Datin Seri Laila Jasa (DSLJ) pada 10hb Februari, 1976 dan Pingat Omar Ali Saifuddin Sultan (POAS) pada 23hb September, 1961, sempena hari Keputeraan DYTM.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.